

LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2022





63

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN

Dewan Perdana Felda
Kuala Lumpur

8.00 pagi

11 Jun 2023 (Ahad)

Imbas di sini untuk melihat Laporan
Tahunan kami secara atas talian





KANDUNGAN

PENGENALAN

- 2 Sorotan 2022
- 4 Moto, Visi dan Misi
- 5 Objektif dan Prinsip-prinsip Koperasi
- 6 Sepintas Lalu
- 7 Maklumat Korporat
- 8 Sorotan Pencapaian Lima Tahun
- 10 Carta Organisasi
- 12 Anugerah dan Pencapaian

KEPIMPINAN

- 14 Anggota Lembaga
- 16 Profil Anggota Lembaga
- 26 Profil Jawatankuasa Audit Dalaman
- 30 Profil Anggota Jawatankuasa Syariah
- 35 Pengurusan Kanan
- 43 Maklumat Pengurusan

LAPORAN

- 44 Perutusan Pengerusi
- 48 Laporan Kemampuan dan Analisa Pengurusan
- 58 Aktiviti 2022

TADBIR URUS

- 63 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 73 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
- 76 Laporan Juruaudit Bebas
- 79 Laporan Anggota Lembaga Co-opbank
- 81 Pengakuan oleh Pegawai Utama
- 81 Kenyataan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi
- 82 Laporan Jawatankuasa Syariah

PENYATA KEWANGAN

- 86 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022
- 94 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2022

DIREKTORI

- 151 Direktori



ms 44
Perutusan
Pengerusi

SOROTAN

2022

JUMLAH PENDAPATAN BERSIH

RM270.53
JUTA

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT

RM103.48
JUTA

ASET

RM7.73
BILION

ZAKAT

RM3.09
JUTA

DANA PEMEGANG SYER

RM1.09
BILION

72

TAHUN BERADA DALAM SEKTOR
KOPERASI DAN PERBANKAN

BILANGAN ANGGOTA KOPERASI

768

BILANGAN ANGGOTA INDIVIDU

90,365

22%

PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN BERSIH

JUMLAH PEMBIAYAAN BERSIH

RM5.04
BILION

DEPOSIT

RM6.26
BILION

743

BILANGAN
KAKITANGAN

30

JUMLAH
CAWANGAN
DAN OUTLET

KOPERASI PREMIER MALAYSIA

2022

MISI

Kami komited untuk menyediakan perkhidmatan kewangan kepada komuniti bagi:

Memberikan pulangan terbaik kepada pelanggan dan anggota

Meningkatkan kebajikan anggota

Menawarkan produk-produk perbankan yang kompetitif dengan penuh integriti

Mengamalkan nilai-nilai teras dalam prinsip koperasi

VISI

Menjadi Co-opbank Syariah Terunggul di Malaysia

MOTO

“Bersama Kita Maju”

OBJEKTIF

— Untuk mencapai RM300 juta keuntungan menjelang tahun 2026

— Untuk mempunyai jumlah aset RM16 bilion pada tahun 2026

— Untuk mencapai baki pembiayaan bersih RM10 bilion pada tahun 2026

— Untuk meningkatkan jumlah Anggota Individu dan Koperasi kepada 150,000 pada tahun 2026

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

— Keanggotaan Sukarela dan Terbuka

— Prihatin Terhadap Komuniti

— Penglibatan Anggota dalam Kegiatan Ekonomi

— Kebebasan dan Autonomi

— Pendidikan, Latihan dan Maklumat

— Bekerjasama Di Antara Koperasi-Koperasi

— Kawalan Secara Demokratik oleh Anggota

SEPINTAS LALU



1950

7 JUN

Ditubuhkan atas nama
'The Province Wellesley
Co-operative Banking
Union Limited'



1970

4 MAC

Dikenali sebagai Koperasi
Bank Persatuan Bekerjasama-
Sama Seberang Prai
Tanggung Berhad



1982

26 APRIL

Dikenali sebagai Koperasi
Bank Persatuan Kerjasama
Seberang Perai Berhad



2018

13 SEPTEMBER

Dikenali sebagai Koperasi
Co-opbank Pertama
Malaysia Berhad



2014

15 SEPTEMBER

Diiktiraf sebagai Co-opbank
& dikenali sebagai Koperasi
Co-opbank Persatuan
Malaysia Berhad



1995

5 APRIL

Dikenali sebagai
Koperasi Bank
Persatuan Malaysia
Berhad

MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA

Datuk Baharom bin Embi
Pengerusi

Hajah Nor Hidayah binti Omar
Timbalan Pengerusi

Haji Omar bin Haji Mat Som
(ALK sehingga 25 Jun 2022)

Yunus bin Kasim

Mohd. Shapie bin Idris

Dr. Hajah Jamilah binti Din

Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad

Dr. Mohd Azlan bin Yahya
(ALK berkuatkuasa 25 Jun 2022)

Zaini bin Sa'ad

Johar bin Mokhtar

JAWATANKUASA ANGGOTA LEMBAGA

Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus

Datuk Baharom bin Embi
Pengerusi

Hajah Nor Hidayah binti Omar

Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad

Johar bin Mokhtar

Yunus bin Kasim
(sehingga 25 Ogos 2022)

Zaini bin Sa'ad
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Jawatankuasa Imbuhan

Hajah Nor Hidayah binti Omar
Pengerusi
(sehingga 25 Ogos 2022)

Datuk Baharom bin Embi

Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad

Johar bin Mokhtar

Dr. Hajah Jamilah binti Din
(sehingga 25 Ogos 2022)

Zaini bin Sa'ad
(Pengerusi berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Johar bin Mokhtar
Pengerusi

Datuk Baharom bin Embi

Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad

Hajah Nor Hidayah binti Omar
(sehingga 25 Ogos 2022)

Haji Omar bin Mat Som
(sehingga 25 Jun 2022)

Dr. Hajah Jamilah binti Din
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Yunus bin Kasim
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan

Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad
Pengerusi

Haji Omar bin Mat Som
(sehingga 25 Jun 2022)

Zaini bin Sa'ad

Yunus bin Kasim

Mohd. Shapie bin Idris

Dr. Hajah Jamilah binti Din

Dr. Mohd Azlan bin Yahya
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat

Dr. Hajah Jamilah binti Din
Pengerusi

Hajah Nor Hidayah binti Omar

Yunus bin Kasim

Zaini bin Sa'ad
(sehingga 25 Ogos 2022)

Mohd. Shapie bin Idris

Dr. Mohd Azlan bin Yahya
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Jawatankuasa Kredit

Haji Omar bin Haji Mat Som
Pengerusi
(sehingga 25 Jun 2022)

Datuk Baharom bin Embi

Hajah Nor Hidayah binti Omar
(Pengerusi berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Johar bin Mokhtar

Mohd. Shapie bin Idris

Zaini bin Sa'ad

Dr. Mohd Azlan bin Yahya
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Jawatankuasa Pembangunan Produk

Datuk Baharom bin Embi
Pengerusi

Yunus bin Kasim

Haji Omar bin Mat Som
(sehingga 25 Jun 2022)

Mohd. Shapie bin Idris

Dr. Hajah Jamilah binti Din

Zaini bin Sa'ad

Hajah Nor Hidayah binti Omar
(berkuatkuasa 25 Ogos 2022)

Wakil ALK di dalam Subsidiari Pembangunan BPSP Sdn Bhd

Haji Omar bin Mat Som
Pengerusi
(sehingga 25 Jun 2022)


Datuk Baharom bin Embi
Pengerusi
(berkuatkuasa 25 Jun 2022)

Yunus bin Kasim
Pengarah


SOROTAN PENCAPAIAN 5 TAHUN

	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Aset	3,610,709	4,290,171	5,781,778	6,065,820	7,734,765
Dana Pemegang Syer	687,760	1,005,840	1,062,602	1,027,142	1,097,507
Modal Syer	417,708	654,404	695,096	680,451	735,189
Syer Keutamaan	241,882	252,191	252,034	252,002	250,244
Pembiayaan Bersih	2,494,165	2,977,686	3,805,480	4,133,334	5,048,191
Deposit Pelanggan	2,716,049	3,184,071	4,607,119	4,926,378	6,267,929
Keuntungan	52,698	73,953	84,165	86,135	103,477
Zakat	1,400	1,700	2,135	2,302	3,098
Kadar Dividen Modal Syer	7.0%	5.5%	6.0%	6.1%	6.3%
Kadar Dividen Syer Keutamaan	6.2%	6.1%	6.7%	6.82%	6.88%
Jumlah Dividen Modal Syer	21,200	29,993	41,370	41,756	43,698
Jumlah Dividen Syer Keutamaan	9,600	15,321	16,886	17,187	17,215
Bilangan Anggota Individu	84,357	90,713	91,730	90,854	90,365
Bilangan Anggota Koperasi	684	707	729	747	768


Aset
(RM'000)




Dana Pemegang Syer
(RM'000)




Modal Syer
(RM'000)




Syer Keutamaan
(RM'000)



Pembiayaan Bersih
(RM'000)




Deposit Pelanggan
(RM'000)




SOROTAN PENCAPAIAN 5 TAHUN

Keuntungan
(RM'000)



Zakat
(RM'000)




Kadar Dividen Modal Syer
(RM'000)



Kadar Dividen Syer Keutamaan
(RM'000)



Jumlah Dividen Modal Syer
(RM'000)




Jumlah Dividen Syer Keutamaan
(RM'000)




Bilangan Anggota Individu
(RM'000)




Bilangan Anggota Koperasi
(RM'000)



CARTA ORGANISASI



ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI



Petunjuk

— Jabatan — Unit — Subsidiari

— Jabatan yang melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk hal operasi dan pentadbiran

----- Jabatan yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Lembaga akan melapor berkaitan pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN



2010

Pengiktirafan Bagi Koperasi
Menjalankan Aktiviti Perbankan di
Bawah GP: 11



2010

Anugerah Koperasi Cemerlang
(Kluster Besar) 2010 Sempena Hari
Koperasi Negara 2010



2011

Tempat Ke-9 Senarai 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2011



2012

Tempat Ke-8 Senarai 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2012



2014

Anugerah Hari Koperasi Negara
2014 Kategori Perdana



2014

Tempat Ke-9 Senarai 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2014

2013

Tempat Ke-9 Senarai 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2013

2015

Tempat Ke-9 Senarai 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2015

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

**2016**

Tempat Ke-4 Indeks 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2016

Anugerah Profil Koperasi Terbaik
Sempena Hari Koperasi Negara 2016
Peringkat Negeri Pulau Pinang

**2017**

Tempat Pertama Senarai 20 Koperasi
Terbaik Negeri Pulau Pinang 2017

Anugerah Khas (Perbankan
Koperasi) Sempena Hari Koperasi
Negara 2017 Peringkat Negeri Pulau
Pinang

**2018**

Tempat Ke-3 Indeks 100
Koperasi Terbaik Malaysia 2018

Bank Koperasi Paling Pesat
Membangun, Lang International
Corporate Titan Awards

**2019**

Anugerah Kecemerlangan
Korporat,
Asia Pacific Entrepreneurship
Awards 2019

Tempat ke-5 Indeks 100
Koperasi Terbaik Malaysia
2019

**2020**

Tempat Pertama Indeks 100
Koperasi Terbaik Malaysia
2020

**2021**

Koperasi Premier Malaysia
2021

**2022**

Brand of the Year
Cooperative Banking, The
BrandLaureate Best Brands
Awards 2022

ANGGOTA LEMBAGA



Dari kiri ke kanan

01. Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad **02.** Dr. Haji Mohd Azlan bin Yahya* **03.** Dr. Hajah Jamilah binti Din
04. Johar bin Mokhtar **05.** Zaini bin Sa'ad

* Berkuatkuasa 25 Jun 2022



Dari kiri ke kanan

06. Yunus bin Kasim **07.** Datuk Baharom bin Embi **08.** Mohd. Shapie bin Idris **09.** Hajah Nor Hidayah binti Omar

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA



DATUK BAHAROM BIN EMBI

PENGERUSI

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 62 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sejak Oktober 2021

Anugerah/Kelayakan:

- Darjah Kebesaran Negeri Melaka

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Pengerusi Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia

Akademik:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Sistem Sokongan Keputusan), University of Southern New Hampshire, USA
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi & Kewangan), University of Southern New Hampshire, USA
- Diploma Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara, Malaysia
- Perancang Kewangan Islam (IFP)

Pengalaman Terdahulu:

- Ketua Pegawai Eksekutif, TEKUN Nasional (2015-2018)
- Pengurusan Kanan, Bank Rakyat

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Co-opbank Pertama
- Pengerusi, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus
- Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan Produk
- Anggota, Jawatankuasa Kredit
- Anggota, Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota, Jawatankuasa Imbuhan

HAJAH NOR HIDAYAH BINTI OMAR

TIMBALAN PENERUSI

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 46 / Perempuan

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan
Tahunan sejak 2014



Anugerah/Kelayakan:

- Pingat Jasa Kebaktian, TYT Pulau Pinang (PJK)
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Juruaudit Koperasi Bertauliah Malaysia Yang Diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia (UUM)
- The Institute of Cooperative & Management Auditors (ICMA)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Jawatankuasa Imbuhan (Januari-Julai 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus
- Anggota, Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Pengerusi, Jawatankuasa Kredit (Ogos-Disember 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan (Januari-Julai 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pembangunan Produk (Ogos-Disember 2022)

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Juruaudit, Hidayah & Co.
- Jururunding, H Consultant Services
- Pengarah Urusan, HMIT Engineering Sdn Bhd
- Pengarah Kewangan, PH Skatepark Sdn Bhd
- Pengerusi, Koperasi Penyedia Perkhidmatan Professional Korporat Pulau Pinang Bhd (KOPRO)

Pengalaman Terdahulu:

- Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Bank Persatuan
- Akauntan, Opals Groups
- Akauntan, MS Consultants
- Akauntan, Iqbal & Associates
- Akauntan, Shazalis Groups
- Akauntan, Umpan Jaya Groups

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA



YUNUS BIN KASIM

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 59 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan sejak 2011

Anugerah/Kelayakan:

- Pingat Kelakuan Terpuji, TYT Pulau Pinang (PKT)
- Pingat Jasa Kebaktian, TYT Pulau Pinang (PJK)
- Diploma Pengajian Perbankan, Institut Teknologi Mara
- Ahli ICMA, Institute of Co-operative & Management Accountant
- Ahli ICA, Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 1993, 1997 dan 2014, Jabatan Audit Negara
- Anugerah Perkhidmatan Terpuji Tahun (2010 & 2011), Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Anggota, Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat
- Anggota, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus (Januari-Julai 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan
- Anggota, Jawatankuasa Pembangunan Produk
- Pengarah, Syarikat Pembangunan BPSP Sdn Bhd
- Wakil ALK Dalam Jawatankuasa Syariah
- Anggota, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Ogos-Disember 2022)

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Koperasi Muslimin Malaysia Bhd
- Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Koperasi Belia Nasional (KOBENA)

Pengalaman Terdahulu:

- Naib Pengerusi Bank Persatuan
- Pengerusi, Jawatankuasa Audit Dalaman Bank Persatuan
- Juruaudit Kanan, Jabatan Audit Negara
- Ketua Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara

MOHD. SHAPIE BIN IDRIS

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 65 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan
Tahunan sejak 2016



Anugerah/Kelayakan:

- Pingat Perkhidmatan Am
- Pingat Perkhidmatan Setia
- Darjah Kebesaran Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia
- Pingat Jasa Malaysia
- Pingat Jasa Kebaktian
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Pertahanan (1994, 1995 dan 1998)
- Executive Master in Management, Asia e University
- Executive Diploma in Business Management, Open University
- Certificate of Completion, International Business, Murdoch University, Australia

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Anggota, Jawatankuasa Kredit
- Anggota, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan
- Anggota, Jawatankuasa Keanggotaan & Hal Ehwal Korporat
- Anggota, Jawatankuasa Pembangunan Produk

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Wilayah Persekutuan.
- Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Angkasa, Wilayah Persekutuan
- Anggota Lembaga, Koperasi Pasaraya Malaysia Berhad
- Anggota Lembaga, Koperasi Jaya Malaysia Berhad
- Bendahari, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia
- AJK PIBG, Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju Seksyen 2, Kuala Lumpur

Pengalaman Terdahulu:

- Penyelia Cawangan Pencen di Jabatan Rekod & Pencen - Pesara Tentera, Kementerian Pertahanan Malaysia
- Anggota Lembaga, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Bhd
- Bendahari, Persatuan Bekas Veteran, Bahagian Wilayah Persekutuan
- Pegawai Tadbir, FIFA Piala Remaja 1997

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA



DR. HAJAH JAMILAH BINTI DIN

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 65 / Perempuan

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan
Tahunan sejak 2017

Anugerah/Kelayakan:

- Perakuan sebagai Pakar Industri bagi Sektor Pengurusan Bisnes, Subsektor Perniagaan & Kewangan, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
- Doktor Falsafah (Ekonomi), Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya (UM)
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Diploma Pengajian Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Malaysia (UiTM)
- Diploma 'Training of Trainers' dalam Pengurusan Koperasi di International Centre Advanced Technical & Vocational Training Turin, Italy
- Diploma, Pengurusan Koperasi di Asia International Labour Organisation International Training Centre Turin

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Jawatankuasa Keanggotaan & Hal Ehwal Korporat
- Anggota, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Ogos-Disember 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pembangunan Produk
- Anggota, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan
- Anggota, Jawatankuasa Imbuhan (Januari-Julai 2022)

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Bendahari, Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Bhd
- Pengerusi, Koperasi Sahabat Pesara Selangor Berhad (Sehingga Okt 2021)
- Anggota Lembaga, Koperasi Kakitangan MKM Berhad (Sehingga Okt 2021)

Pengalaman Terdahulu:

- Pengerusi, Dana Pemasaran Francais, Rakyat Management Services
- Pensyarah Kanan/Pengarah, MKM
- Pegawai Kemajuan & Pegawai Projek, LKIM
- Pegawai Kewangan, Syarikat Kopi Hang Tuah Sdn Bhd
- Unit Trust Consultant, CIMB Principal Asset Management Bhd
- Jawatankuasa Pemandu Pelan Dasar Koperasi Negara, KPDNKK
- Jawatankuasa Induk Pelan Strategi Lautan Biru, Kementerian Wilayah & Luar Bandar
- Panel Pembangun Program SLDN, Jabatan Pembangunan dan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia
- Anggota, Kumpulan Penyelidikan German, Friedrich-Eberg-Stiftung
- Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu, Peneraju Sektor Kewangan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia

DATO' SHAHARUDIN BIN MOHD SA'AD

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 54 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Suruhanjaya Koperasi
Malaysia (SKM) sejak Disember 2020



Anugerah/Kelayakan:

- Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)
- Bentara Setia Kelantan (BSK)
- Jaksa Pendamai (JP) Kelantan
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (UKM)
- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (UKM)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli Institut Internal Audit Malaysia (IIAM)
- Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
- Ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan
- Anggota, Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota, Jawatankuasa Imbuhan
- Anggota, Jawatankuasa Pencalonan & Tadbir Urus

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi SKM
- Jawatankuasa Audit Dalaman ANGKASA
- Ahli Lembaga, Koperasi Ekuiti Bhd.
- Ahli Pemegang Amanah Yayasan Canselor UKM
- Pengarah, Widad Skycore Sdn Bhd
- Pengarah, SMS Yatadi Sdn. Bhd
- YDP Persatuan IbuBapa dan Guru (PIBG) SMK Lubok China, Melaka
- Pengerusi Perhubungan Persatuan CeIO Negeri Selangor

Pengalaman Terdahulu:

- Ketua Perniagaan Koperasi Runcit dan beberapa jabatan-jabatan di Bank Rakyat
- Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi SKM
- Anggota Lembaga, Koperasi Kakitangan Bank Rakyat (SEKATARAKYAT)
- Jawatankuasa Audit Dalaman, SEKATARAKYAT

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA


JOHAR BIN MOKHTAR

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 60 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Suruhanjaya Koperasi
Malaysia (SKM) sejak Oktober 2021

Anugerah/Kelayakan:

- Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota, Jawatankuasa Imbuhan
- Anggota, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus
- Anggota, Jawatankuasa Kredit

Pengalaman Terdahulu:

- Pengarah, Unit Siasatan Khas, BNM
- Pengarah Urusan, Financial Park Labuan Sdn Bhd
- Pengarah, Jabatan Pengurusan Fasiliti, BNM

ZAINI BIN SA'AD

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 62 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan
sejak 2021



Anugerah/Kelayakan:

- Pingat Jasa Masyarakat, TYT Pulau Pinang (PJM)
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Bersekutu, Institut Juruaudit Dalaman Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) Universiti Utara Malaysia (UUM)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Jawatankuasa Imbuhan (Ogos-Disember 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan
- Anggota, Jawatankuasa Kredit
- Anggota, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus (Ogos-Disember 2022)
- Anggota, Jawatankuasa Pembangunan Produk

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Jawatankuasa Audit Dalaman ANGKASA
- Bendahari, Persatuan Penduduk Serdang Bella, Kepala Batas, Pulau Pinang

Pengalaman Terdahulu:

- Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Pulau Pinang
- Ketua Kewangan Co-opbank Persatuan
- Akauntan Hitachi Semiconductor (M) Sdn Bhd
- Ahli Majlis Universiti Utara Malaysia

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA



DR. HAJI MOHD AZLAN BIN YAHYA

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 63 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan
Tahunan sejak 25 Jun 2022

Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah Pentadbiran Perniagaan, Universiti Utara Malaysia
- Sarjana Sains Sosial Perakaunan dan Pembangunan Kewangan, University of Birmingham
- Pingat Jaya Cemerlang oleh Majlis Raja-Raja Malaysia
- Anugerah Pelajaran Di Raja Universiti Utara Malaysia
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti Utara Malaysia
- Pegawai Integriti Bertauliah

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Anggota, Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat
- Anggota, Jawatankuasa Kredit
- Anggota, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan
- Anggota, Jawatankuasa Pembangunan Produk

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Anggota Lembaga ANGKASA -2017 hingga kini
- Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi – 2020 hingga kini
- Ahli Jawatankuasa Transformasi Koperasi
- Pengerusi Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan ANGKASA
- Pengerusi Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus ANGKASA
- Pengerusi Jawatankuasa Koperasi Di Institusi Pendidikan ICA Asia Pacific
- Naib Pengerusi Jawatankuasa Koperasi Kepenggunaan ICA Asia Pacific
- Pengerusi Gabungan Koperasi Siswa Malaysia
- Pengerusi Koperasi Ekuiti Berhad

Pengalaman Terdahulu:

- Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Universiti Utara Malaysia
- Pengurus Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional, Kementerian Pengajian Tinggi
- Pengarah Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia
- Presiden Persatuan Alumni Universiti Utara Malaysia

HAJI OMAR BIN HAJI MAT SOM

ANGGOTA LEMBAGA

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 62 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Anggota Lembaga:
Dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan
Tahunan sejak 2001 sehingga 25 Jun 2022



Anugerah/Kelayakan:

- Darjah Johan Negeri, TYT Pulau Pinang (DJN)
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan Kepujian, Universiti Sains Malaysia (USM)
- Diploma Pengajian Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Malaysia (UiTM)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Pengerusi, Jawatankuasa Kredit
- Anggota, Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota, Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat
- Anggota, Jawatankuasa Imbuhan
- Pengerusi, Syarikat Pembangunan BPSP Sdn Bhd

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Tiada

Pengalaman Terdahulu:

- Pengerusi Bank Persatuan
- Naib Pengerusi Bank Persatuan
- Anggota, Jawatankuasa Audit Dalam, Bank Persatuan
- Pengurus Pelbagai Jabatan, Agrobank Malaysia Berhad
- Aktif Pelbagai Koperasi

PROFIL JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



DATO' MUSTAFA BIN HAJI SAMAN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 66 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Jawatankuasa:

- Pelantikan Pertama Sebagai Anggota JAD : 01 Oktober 2017- 30 September 2018
- Pelantikan Semula : 1 Oktober 2018
- Pelantikan Semula : 23 Jun 2019
- Pelantikan Semula : 23 Jun 2020
- Pelantikan Semula : 1 Julai 2021
- Pelantikan Semula : 1 Julai 2022

Pendidikan/Anugerah/Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Dalam Bidang Pengajian Perniagaan (Universiti Dubuque, Iowa, Amerika Syarikat)
- Ijazah Sarjana Muda Dalam Bidang Ekonomi (Universiti Malaya)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Ahli Jawatankuasa Audit Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) (2017-2021)
- Ahli Jawatankuasa Audit Universiti Malaysia Sabah (UMS) (2016 - 2020)

Pengalaman Terdahulu:

- Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)
- Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)
- Pengarah Audit Sektor Persekutuan
- Pengarah Sektor Pengurusan Korporat
- Pengarah Audit Negeri Sarawak
- Ketua Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri
- Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang
- Ketua Bahagian Latihan, Komputer dan Penyelidikan
- Pernah Menjalani 'Attachment Programme' di Pejabat Audit Singapura, Pejabat Audit New Zealand dan Pejabat Audit Amerika Syarikat.

NIK MUHAMAD FAUZI BIN NIK SULAIMAN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:

Malaysia / 58 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Jawatankuasa:

- Pelantikan Pertama Sebagai Anggota JAD : 1 Disember 2020 - 30 November 2021
- Pelantikan Semula : 1 Disember 2021
- Pelantikan Semula : 1 Julai 2022



Pendidikan/Anugerah/Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (UiTM Shah Alam)
- Diploma Perakaunan (UiTM Shah Alam)
- Sijil Profesional Malaysia Institute of Accountants (MIA)
- Perakuan Amalan Setiausaha

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Akauntan di Firma Perakaunan Khairul Afrizan Khairudin & Partners
- Presiden Persatuan Setiausaha Syarikat Kelantan
- Ahli Jawatankuasa Teknikal Persatuan Setiausaha Syarikat Kelantan (2021 - 2023)
- Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (2020 - 2023)

Pengalaman Terdahulu:

- Akauntan di ASM Development (Terengganu) Sdn Bhd
- Pengurus Kewangan dan Pentadbiran di Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd
- Penyelia Kanan di Azman, Wong, Salleh & Co

PROFIL JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



DR. ZAHARUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 57 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Jawatankuasa:

- Pelantikan Pertama Sebagai Anggota
JAD : 1 Julai 2022

Pendidikan/Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah Perakaunan (UPM)
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) (UPM)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (UiTM)
- Diploma Perakaunan (Politeknik Ungku Omar)
- *Chartered Accountant (Malaysian Institute of Accountants)*
- *Chartered Member of the Institute of Internal Auditors Malaysia*

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Tiada

Jawatan Sekarang:

- Timbalan Pengarah Audit (Kewangan 3), Jabatan Audit Negara Malaysia

Pengalaman Terdahulu:

- Ketua Audit Dalaman di Kementerian Kerja Raya
- Timbalan Pengarah Audit Negeri di Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
- Timbalan Pengarah Audit, Sektor Badan Berkanun Persekutuan di Jabatan Audit Negara
- Ketua Audit Dalaman di Syarikat Perumahan Negara Berhad
- Ketua Audit Dalaman di Kementerian Perusahaan Perlindungan & Komoditi
- Ketua Pusat Pengajian Perakaunan di Akademi Audit Negara
- Juruaudit di Jabatan Perkhidmatan Awam
- Juruaudit di Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri
- Eksekutif Audit di Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kerani Bank di Standard Chartered Bank

PROFIL MANTAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

DR. AZHARUDIN BIN ALI

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:

Malaysia / 48 / Lelaki

Pelantikan Sebagai Jawatankuasa:

- Pelantikan Pertama Sebagai Anggota JAD : 1 Oktober 2017- 30 September 2018
- Pelantikan Semula : 1 Oktober 2018
- Pelantikan Semula : 23 Jun 2019
- Pelantikan Semula : 23 Jun 2020
- Pelantikan Semula : 1 Julai 2021
- Sehingga 25 Jun 2022



Pendidikan/Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah Dalam Bidang Pengurusan (Universiti Aston, United Kingdom)
- Ijazah Sarjana Dalam Bidang Audit Dalaman dan Pengurusan (Universiti City, United Kingdom)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Universiti Utara Malaysia)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Pensyarah Kanan, TISSA-UUM
- Penasihat Kepada Overview Consulting Sdn Bhd
- Penasihat Kepada Malaysian Supermarket United Kingdom

Pengalaman Terdahulu:

- Ketua Unit Audit & Tadbir Urus, Fakulti Perakaunan, UUM
- Pengarah Kolej Perniagaan- Perundingan Perniagaan Pintar

PROFIL ANGGOTA JAWATAN KUASA SYARIAH



**PROFESOR MADYA DR.
HJ. MOHAMED
FAIROOZ BIN ABDUL
KHIR**

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 47 / Lelaki

**Pelantikan Sebagai Jawatankuasa
Syariah:**

1 Februari 2022 - 31 Januari 2025

Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah, Universiti Malaya (UM)
- Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Malaya (UM)
- Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Professor Madya, INCEIF, Kuala Lumpur.
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
- Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Bank Simpanan Nasional
- Pengerusi, Jawatankuasa Lembaga Syariah, CIMB Islamic Bank
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Zurich Takaful Malaysia Berhad

Pengalaman Terdahulu:

- Ahli Jawatankuasa Zakat, Maybank Islamic Berhad
- Ahli Jawatankuasa Syariah, MNRB Holdings Berhad
- Ahli Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic
- Pengerusi Jawatankuasa Syariah Agrobank
- Pensyarah Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

PROFESOR MADYA DR. HJH. YASMIN HANANI BINTI MOHD SAFIAN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 46 / Perempuan

**Pelantikan Sebagai Jawatankuasa
Syariah:**

1 November 2021 - 30 Oktober 2024



Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah Arab and Islamic Studies, University of Exeter, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pengajian Islam, The Birmingham University, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiyyah, Universiti Al-Azhar

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
- Penasihat Syariah, BIMB Investment
- Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

Jawatankuasa Syariah YaPEIM

- Ahli, Majlis Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan
- Anggota Majlis Agama Islam Selangor
- Lembaga Pengarah, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Anak Syarikat MAIS)
- Panel Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengalaman Terdahulu:

- Penasihat Syariah, Affin Islamic Bank
- Panel Penasihat Pembangunan Hal-Ehwal Islam (JPM)
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia (Malaysia Halal Certification Advisory Committee)
- Ahli Jawatankuasa Pemandu Pensijilan Halal Malaysia (Steering Committee on Halal Certification)
- Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM

PROFIL ANGGOTA JAWATAN KUASA SYARIAH


PROFESOR DR. HJ. ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 56 / Lelaki

**Pelantikan Sebagai Jawatankuasa
Syariah:**
1 Februari 2022 - 31 Januari 2025

Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah Perakaunan dan Kewangan, University of Southampton
- Ijazah Sarjana Perakaunan dan Pengurusan Sains, University of Southampton
- Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perakaunan, University of East London

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Naib Canselor, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Etiqa Takaful Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, Hartasuci Sdn Bhd (Pusat Pungutan Zakat MAIWP)

Pengalaman Terdahulu:

- Timbalan Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Dekan, IIUM Institute of Islamic Banking and Finance (IiBF)
- Ahli JK Syariah, HSBC Amanah Malaysia
- Ahli JK Syariah, MBSB Bank
- Ahli Lembaga Pengarah, Permodalan BSN Berhad

PROFESOR MADYA DR. MARHANUM BINTI CHE MOHD SALLEH

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 41 / Perempuan

**Pelantikan Sebagai Jawatankuasa
Syariah:**

1 November 2021 - 30 Oktober 2024



Anugerah/Kelayakan:

- Doktor Falsafah, Pengurusan Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Ijazah Sarjana Kewangan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Ijazah Sarjana Muda Syariah & Pengurusan Dengan Kepujian (Syariah), Universiti Malaya (UM)

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Penasihat Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad
- Associate Professor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Pengalaman Terdahulu:

- Penasihat Syariah, United Overseas Bank Islamic Malaysia

PROFIL ANGGOTA JAWATAN KUASA SYARIAH



USTAZ HJ. LOKMANULHAKIM BIN HUSSAIN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 44 / Lelaki

**Pelantikan Sebagai Jawatankuasa
Syariah:**
1 Februari 2022 - 31 Januari 2025

Anugerah/Kelayakan:

- Ijazah Sarjana Fiqh, Islamic University of Madinah
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Islamic University of Madinah

Jawatan Lain Yang Disandang Dalam CBP:

- Tiada

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Ahli Jawatankuasa Syariah, FWD Takaful
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Affin Islamic Bank
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, BIMB Securities
- Ahli Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa JAKIM

Pengalaman Terdahulu:

- Ahli Jawatankuasa Syariah, Deutsche Bank Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Syariah, TEKUN Nasional
- Ahli Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia (Malaysian Halal Certification Advisory Committee)
- Ahli Lembaga Syariah, Al Rajhi Bank Malaysia
- Penyelidik, International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)
- Felo Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

PENGURUSAN KANAN



Dari kiri ke kanan (depan)

01. Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar - Ketua Pegawai Eksekutif **02.** Afidah Binti Mohd Ghazali - Ketua Pegawai Risiko
03. Nor Aznizam Bin Nor Azmi - Ketua Pegawai Kewangan*

Dari kiri ke kanan (belakang)

04. Syaiful Arief Syah Bin Mohamed Said - Ketua Pegawai Operasi** **05.** Mohd Faris Bin Kamarudin - Ketua Pegawai Komersial
06. Mohd Rafis Bin Makhtar - Ketua Pegawai Perbankan Runcit** **07.** Zairil Anuar Bin Ahmad - Pemangku Ketua Pegawai Teknologi Maklumat***

* Berkuatkuasa 10 Februari 2023

** Berkuatkuasa 1 Januari 2023

*** Berkuatkuasa 1 Disember 2022

PENGURUSAN KANAN

KHAIRIL ANUAR BIN MOHAMMAD ANUAR

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 47 / Lelaki

Pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif:
1 November 2021 sehingga kini

Anugerah/Kelayakan:

- MSc in Risk Management (with Distinction), Glasgow Caledonian University, United Kingdom
- BA (Hons) Accounting and Finance De Montfort University, Leicester United Kingdom
- Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Oxford Advanced Management & Leadership Programme, Said Business School, University of Oxford, United Kingdom
- Chartered Banker, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) / Chartered Bankers Institute
- Member – The Institute of Risk Management (IRM), United Kingdom
- Certified Change Manager, PROSCI Change Management Certificate

Pengalaman Terdahulu:

- Ketua Pegawai Operasi, SME BANK
- Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, SME BANK
- Ketua Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Hong Leong MSIG Takaful (HLMT)
- Ketua Strategi Korporat, Al Rajhi Bank Malaysia (ARBM)
- Pengurus Pejabat Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengurus Jabatan Pengurusan Strategik, Bank Negara Malaysia
- Eksekutif Kanan Jabatan Penyeliaan Insurans, Bank Negara Malaysia

MOHD RAFIS BIN MAKHTAR

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 42 / Lelaki

**Pelantikan Sebagai Ketua Pegawai
Perbankan Runcit:**
1 Januari 2023 sehingga kini



Anugerah/Kelayakan:

- Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Pengalaman Terdahulu:

- Pemangku Ketua Pegawai Perbankan Runcit CBP
- Ketua, Jabatan Pembiayaan Peribadi CBP
- Pengurus Besar, Jabatan Perniagaan Runcit CBP
- Ketua Wilayah Co-opbank Persatuan
- Pengurus Cawangan Bank Persatuan
- Eksekutif Kanan, Bank Rakyat

PENGURUSAN KANAN

NOR AZNIZAM BIN NOR AZMI

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 41 / Lelaki

**Pelantikan sebagai Ketua Pegawai
Kewangan:**
10 Februari 2023 sehingga kini

Anugerah/Kelayakan:

- Master of Business Administration, Universiti of Georgia (UNIES), Netherlands
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Diploma Perakaunan, Kolej Universiti Insaniah (UNISHAMS)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Jawatan Lain Yang Disandang:

- Pengerusi Koperasi Warga Kerja Bank Persatuan
- Bendahari Alumni Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UNISHAMS)

Pengalaman Terdahulu:

- Pemangku Ketua Pegawai Kewangan CBP
- Pengurus Besar Kewangan / Ketua Kewangan CBP
- Penolong Timbalan Presiden Kewangan Co-opbank Persatuan
- Penolong Pengurus Kewangan Bank Persatuan
- Eksekutif Kewangan Bank Persatuan
- Juruaudit Bersekutu, Tetuan Jamal Amin & Partners

SYAIFUL ARIEF SYAH BIN MOHAMED SAID

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 42 / Lelaki

**Perlantikan Sebagai Ketua Pegawai
Operasi:**
1 Januari 2023 sehingga kini



Anugerah/Kelayakan:

- Masters of Business Administration, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Level 6 – Professional Digital Marketing, Chartered Institute of Marketing, United Kingdom
- Bachelor of Information Technology & Management (Hons), Open University Malaysia (OUM)
- Executive Diploma in Management, Universiti Malaysia (UM)
- Ahli Bersekutu, The Chartered Institute of Marketing, United Kingdom
- Teknologis Berijazah, Lembaga Teknologis Malaysia
- PRINCE2® Certificate in Project Management

Pengalaman Terdahulu:

- Pemangku Ketua Pegawai Operasi CBP
- Ketua Jabatan Strategi dan Komunikasi Korporat CBP
- Ketua Transformasi CBP
- Penolong Naib Presiden, Sime Darby Holdings Berhad
- Eksekutif Kanan, Bank Negara Malaysia

PENGURUSAN KANAN



MOHD FARIS BIN KAMARUDIN

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 53 / Lelaki

Pelantikan sebagai Ketua Pegawai Komersial:
Oktober 2021 sehingga kini

Anugerah/Kelayakan:

- Executive Education in Strategic Management dari National University of Singapore (NUS)
- BA [Hons] Accountancy dari University of Northumbria, UK
- Ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM)

Pengalaman Terdahulu:

- Ketua Pegawai Komersial, CBP
- Ketua Pegawai Pelaburan, CBP
- Director, Treasury, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
- Assistant Director, Treasury, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
- Chief Dealer, FX, Treasury, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
- General Manager, Treasury & Funding, Minamas Plantation Indonesia, Kumpulan Guthrie Berhad
- Head of Treasury, PT. Bank Maybank Indocorp, Jakarta, Indonesia
- Senior Treasury Dealer, Maybank International Labuan Limited
- Treasury Dealer, Maybank Berhad

ZAIRIL ANUAR BIN AHMAD

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 46 / Lelaki

**Pelantikan sebagai Ketua Pegawai:
Pemangku Ketua Pegawai Teknologi
Maklumat**

1 Disember 2022 sehingga kini



Anugerah/Kelayakan:

- B.IT (Hons.) Major in Computer Science, National University of Malaysia
- Matriculation Certificate, National University of Malaysia Science Matriculation Centre
- PRINCE2 Registered Practitioner (Project Management)
- Microsoft Certified System Engineer
- Microsoft Certified Professional
- Microsoft Certified IT Professional
- Microsoft Certified Technology Specialist
- Certified Lotus Specialist
- Certified Citrix Administrator
- ITIL Foundation Certified
- Associate Qualification in Islamic Finance (AQIF) certified - 2017

Pengalaman Terdahulu:

- Head, Information Technology Department (VP ii), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM)
- Head, IT Information Security & Head, Service Delivery Management, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Head, Project Management & Designer, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Head, Centre of Innovation, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Acting Head, IT Department cum Head, IT Information Security, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Head, IT Infrastructure Services, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Advisory IT Specialist, IBM (M) Sdn Bhd
- Deep Technical Support Specialist, Hewlett Packard (M) Sdn Bhd
- Technology Specialist, Mesiniaga Berhad
- System Analyst, Abacus Distribution Systems (M) Sdn Bhd
- CMIS Executive, Lyroz Corporation Sdn Bhd

PENGURUSAN KANAN

AFIDAH BINTI MOHD
GHAZALI

Kewarganegaraan / Umur / Jantina:
Malaysia / 60 / Perempuan

**Pelantikan Sebagai Ketua Pegawai
Risiko:**
Oktober 2019 sehingga kini

Anugerah/Kelayakan:

- Chartered Association of Certified Accountants (ACCA), London School of Accountancy, London, United Kingdom
- Diploma in Islamic Studies, International Islamic University Malaysia (UIAM)

Pengalaman Terdahulu:

- Chief Financial Officer (CFO)/Chief Operating Officer (COO), Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Chief Financial Officer/General Manager, Corporate Planning Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB)
- Vice President, Head, Business Support & Strategic Planning, Maybank Investment Bank Berhad
- Accountant, Kumpulan Guthrie Berhad
- Project Officer, Kompleks Kewangan Malaysia Berhad
- Akauntan, Majlis Amanah Rakyat

MAKLUMAT PENGURUSAN

PENGURUSAN KANAN

Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Nor Aznizam Bin Nor Azmi
Ketua Pegawai Kewangan
(Berkuatkuasa 10 Februari 2023)

Mohd Rafis Bin Makhtar
Ketua Pegawai Perbankan Runcit
(Berkuatkuasa 1 Januari 2023)

Mohd Faris Bin Kamarudin
Ketua Pegawai Komersial

**Syaiful Arief Syah Bin
Mohamed Said**
Ketua Pegawai Operasi
(Berkuatkuasa 1 Januari 2023)

Afidah Binti Mohd Ghazali
Ketua Pegawai Risiko

Zairil Anuar Bin Ahmad
Pemangku Ketua Pegawai Teknologi
Maklumat
(Berkuatkuasa 1 Disember 2022)

KETUA JABATAN

Herda Munizah Binti Abdullah
Menanggung Tugas Ketua Jabatan
Ar-Rahnu

Mohd Feruz Bin Harron
Ketua Jabatan Pematuhan

Haron Bin Mohamed
Ketua Jabatan Kawalan dan Pemulihan

Aminudin Bin Ismail
Ketua Jabatan Keanggotaan

Nor Aznizam Bin Nor Azmi
Ketua Jabatan Kewangan

Mohd Hafiz Bin Johari
Ketua Jabatan Modal Insan

Nasir Bin Marob
Ketua Jabatan Operasi Cawangan

Rodiyah Binti Saad
Ketua Jabatan Audit Dalaman

Azlily Binti Mat Lazin
Ketua Pembangunan Produk dan
Perniagaan

Kosong
Jabatan Pembiayaan Mikro

Muhammad Syafiq Bin Mat Hussin
Ketua Jabatan Pembiayaan Peribadi

Mohd Shazman Bin Muhammad
Menanggung Tugas Ketua Jabatan
Pembiayaan Perumahan

Kosong
Jabatan Pembiayaan Sewa Beli

Nasaruddin Bin Nasir
Ketua Jabatan Pentadbiran dan Hartanah

Siti Zalifah Binti Mohd Shariff
Ketua Jabatan Pentadbiran Kredit

Kosong
Jabatan Perbankan Digital

Mohd Azmi Bin Jaafar
Menanggung Tugas Ketua Perbankan
Koperasi

Mohd Azmi Bin Jaafar
Ketua Jabatan Perbankan Korporat

Norhisam Bin Selamat
Ketua Jabatan Perbendaharaan

**Mohammad Fadzli Bin Mohammad
Hashim**
Ketua Jabatan Perkhidmatan Kewangan
Alternatif

Quazir Ikhwan Bin Mohd Reduan
Menanggung Tugas Ketua Rangkaian
Cawangan dan Deposit Runcit

Nur Fatin Binti Mohammad Hashim
Setiausaha Eksekutif

Raihan Bin Mohd Jamil
Ketua Jabatan Sistem dan Kaedah

**Syaiful Arief Syah Bin
Mohamed Said**
Ketua Jabatan Strategi dan Komunikasi
Korporat

Mohd Fazli Bin Masri
Ketua Jabatan Syariah

Zairil Anuar Bin Ahmad
Ketua Jabatan Teknologi Maklumat

Akbaruddin Bin Ismail
Ketua Jabatan Undang-Undang

Amirakmal Bin Rozihan
Unit Integriti dan Governans

Kosong
Jabatan Pengurusan Risiko

PERUTUSAN PENGGERUSI

DATUK BAHAROM BIN EMBI
Pengerusi



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW. Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Illahi, saya selaku Pengerusi Co-opbank Pertama (CBP) dengan rasa rendah diri memohon keizinan untuk berkongsi dengan semua anggota tentang pencapaian CBP sepanjang bagi tahun 2022.

Tahun 2022 adalah tahun yang penuh dengan cabaran kerana negara telah memasuki fasa endemik Covid-19. Walaupun masih berdepan dengan kelesuan ekonomi akibat daripada Covid-19 yang melanda dunia selama lebih dua tahun, rakyat di negara ini tetap mampu mengharunginya walaupun ada yang kehilangan insan tersayang, kehilangan pekerjaan dan sebagainya.

Walaupun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi dan inflasi sepanjang tahun lalu, CBP tetap terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan hasil daripada perancangan strategik dan sokongan daripada semua pihak, CBP berjaya mengharungi cabaran yang mendatang. Kerjasama yang baik daripada pihak pengawalselia, Anggota Lembaga, Pengurusan, Anggota dan seluruh warga kerja telah membawa CBP ke satu tahap yang lebih tinggi.

Seperti semua sedia maklum, CBP telah dinobatkan sebagai Koperasi Premier Malaysia untuk tahun 2021. Namun, sesuatu yang lebih membanggakan apabila CBP terus kekal sebagai salah satu Koperasi Premier Malaysia untuk tahun 2022. Selain itu, CBP juga turut melakar sejarah apabila menerima The BrandLaureate Best Brand Awards : Brand of The Year Best Cooperative Banking.

Mengambil kesempatan ini, saya mewakili seluruh Anggota Lembaga, Pengurusan dan warga kerja CBP ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala

kerjasama dan sokongan tanpa henti yang diberikan kepada CBP selama ini. Ini adalah kejayaan bersama hasil daripada sokongan yang berterusan daripada Pengawalselia, Anggota Lembaga, Pengurusan Kanan, Anggota dan juga seluruh wargakerja CBP.

PRESTASI CBP 2022

Selama 73 tahun tertubuhnya CBP, institusi ini terus melakar satu persatu sejarah. Cabaran dan rintangan yang ada dapat dihadapi dengan baik sekali dan menjadikan CBP lebih matang dalam menjalankan operasi perbankan yang patuh syariah. Perkara ini dapat dilihat apabila CBP berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM103.48 juta pada tahun 2022. Kedudukan keuntungan ini adalah meningkat sebanyak 20% daripada RM86.13 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah aset juga mencatatkan peningkatan yang begitu ketara apabila sehingga 31 Disember 2022, CBP mencatatkan jumlah aset RM7.7 billion dengan peningkatan sebanyak 17% berbanding RM6.06 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

CBP juga menunjukkan prestasi yang menggalakkan dengan peningkatan jumlah deposit sebanyak 27.2% dengan jumlah RM6.27 bilion pada 2022 berbanding RM4.93 bilion pada tahun kewangan 2021. Ini adalah ekoran peningkatan pendeposit sektor Korporat, Kerajaan dan GLC daripada RM4.84 bilion kepada RM6.04 bilion.

Prestasi pengeluaran pembiayaan CBP bagi tahun 2022 juga telah merekodkan pencapaian yang cemerlang dengan jumlah pengeluaran pembiayaan sebanyak RM2.8 billion. Prestasi cemerlang ini dipacu oleh pembiayaan peribadi, perumahan dan Ar-Rahnu yang mencatatkan pengeluaran melebihi RM2.7 billion. Di samping itu, pembiayaan sektor koperasi dan korporat juga telah menunjukkan peningkatan yang positif berbanding tahun sebelumnya.

Kerjasama yang baik daripada pihak Pengawal selia, Anggota Lembaga, Pengurusan, Anggota dan seluruh warga CBP telah membawa CBP ke satu tahap yang lebih tinggi

PERUTUSAN Pengerusi

Dari segi keanggotaan pula, CBP mencatatkan sedikit penyusutan daripada jumlah keseluruhan anggota sebanyak 468 anggota di mana jumlah Anggota pada tahun 2022 adalah sebanyak 91,133 anggota berbanding 91,601 anggota pada tahun sebelumnya.

Bilangan anggota individu telah susut sebanyak 0.54% atau 489 anggota pada tahun 2022. Bagaimanapun, bilangan anggota koperasi menunjukkan peningkatan sebanyak 2.8% di mana sebanyak 21 buah koperasi telah berdaftar sebagai anggota CBP.

CBP juga mencatatkan kadar perlindungan kerugian pembiayaan yang baik iaitu pada 106.4% pada tahun kewangan 31 Disember 2022 berbanding 100% pada tahun kewangan 31 Disember 2021 selari dengan keperluan yang telah ditetapkan oleh SKM. Pada 31 Disember 2022, Kadar Pembiayaan Terjejas (PT) kekal sihat dan berkurang daripada 3.89% berbanding dengan 4.4% pada akhir tahun 2021.

Pada Mei 2022, CBP telah melancarkan Pelan Strategik CBP 2022-2026 yang dikenali sebagai Aspirasi CBP-5. Menerusi pelan strategik ini, ianya menjadi satu garis panduan untuk seluruh warga CBP bagi memastikan prestasi CBP kepada tahap yang terbaik.

Pelan strategik ini memberi penekanan kepada lima (5) fokus strategik iaitu Kepelbagaian Produk dan Perkhidmatan; Peningkatan Kecekapan Operasi; Pengukuhan Pemantauan dan Kawalan; Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan Amalan Budaya Kerja Berprestasi Tinggi di mana ianya dilihat dapat membantu untuk melonjakkan lagi penjenamaan CBP sebagai sebuah Co-opbank yang terunggul di Malaysia menjelang 2026.

Selain itu, CBP juga telah membuka cawangannya yang ke-29 di Tawau, Sabah pada Ogos 2022. Pembukaan cawangan ini dapat memberikan produk dan perkhidmatan perbankan secara terus kepada penduduk di Sabah.

Justeru itu, kami sebagai Anggota Lembaga akan terus memberikan sokongan tanpa henti kepada pihak Pengurusan serta warga CBP bagi memastikan CBP dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Ini adalah untuk memastikan kelestarian perniagaan CBP diutamakan untuk menghasilkan prestasi yang lebih cemerlang walaupun berdepan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

PENGUKUHAN TADBIR URUS & PENINGKATAN KECEKAPAN OPERASI DALAMAN CBP

CBP telah membuat pembaharuan dan penambahbaikan terhadap struktur organisasi dalaman CBP bagi memastikan kecekapan operasi dalam memastikan objektif Aspirasi CBP-5 tercapai. Oleh itu, CBP telah melantik tiga pemangku ketua pegawai iaitu Pemangku Ketua Pegawai Kewangan, Pemangku Ketua Pegawai Perbankan Runcit dan juga Pemangku Ketua Pegawai Operasi. Pelantikan ketiga-tiga pemangku ini adalah bagi memastikan segala perancangan dan pelaksanaan perniagaan yang telah dirangka dapat dilaksanakan dan dicapai dengan lebih berkesan.

Selain itu juga, kita turut menyaksikan beberapa perubahan pada Anggota Lembaga lanjutan daripada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) ke-62 pada 25 Jun 2022.

Dengan penyertaan wajah baharu di dalam pengurusan CBP, saya melihat ini merupakan peluang dan ruang untuk CBP memantapkan lagi pengurusan dan peluang perniagaan.

Integriti memainkan peranan penting dalam memberi perkhidmatan yang telus kepada pelanggan. Oleh itu, seluruh barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Kanan dan juga warga CBP telah melafazkan integriti pada Februari 2022. Ikrar integriti ini menunjukkan komitmen CBP dalam menerapkan tadbir urus yang baik dalam merealisasikan misi dan visi CBP yang secara tidak langsung menjadikan CBP sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi, cekap, bertanggungjawab dan amanah.

SASARAN PERNIAGAAN 2023

Untuk tahun 2023, CBP akan memperkenalkan beberapa produk baharu disamping terus menjalankan kempen-kempen menarik dalam misi untuk menarik lebih ramai pelanggan baharu selain daripada mengekalkan pelanggan-pelanggan sedia ada.

Dari segi pembukaan cawangan pula, CBP merancang untuk membuka tiga buah lagi cawangan di Malaysia Timur iaitu di Kuching dan Miri di Sarawak serta di Sandakan, Sabah. Pembukaan cawangan-cawangan baharu ini dilihat dapat membantu CBP dalam menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan secara terus kepada masyarakat di Kuching, Miri dan Sandakan. Selain itu juga, sebuah outlet Ar Rahn telah dibuka di Gombak pada penghujung suku pertama tahun 2023. Pembukaan cawangan dan outlet baharu ini seiring dengan pengenalan produk-produk baharu kepada para pelanggan CBP.

Selain itu, beberapa cawangan juga telah ditempatkan di lokasi baharu yang lebih strategik selain daripada beberapa cawangan yang telah diubahsuai semula bagi memberi keselesaan kepada pelanggan-pelanggan CBP di bawah program PINTAR. Penempatan semula dan juga pengubahsuaian ini dilihat dapat memberi pengalaman yang baik kepada pelanggan yang secara tidak langsung memberi imej baik kepada CBP.

Dalam masa yang sama juga, Anggota Lembaga dan Pengurusan Kanan CBP juga tidak melupakan anggota-anggota yang banyak memberi sokongan kepada CBP selama ini. Justeru itu, CBP juga akan melaksanakan sistem perbankan teras yang dijangka pada suku tahun kedua tahun 2023. Ianya dapat memudahkan lagi urusan perbankan pelanggan dan juga anggota CBP.



Untuk makluman juga, barisan Anggota Lembaga telah melakukan pembelian sebuah bangunan di Kampung Baru, Kuala Lumpur untuk dijadikan sebagai ibu pejabat CBP yang baharu. Dengan adanya ibu pejabat baharu ini, semua kakitangan di Ibu Pejabat dapat ditempatkan di dalam satu bangunan dan memudahkan lagi operasi seharian CBP. Perpindahan ke bangunan baharu ini dijangka dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada suku tahun kedua 2024.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Sebagai sebuah bank koperasi, CBP juga turut memberi pulangan kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan. Oleh itu, program-program kemasyarakatan seperti *Back To School*, agihan Kotak Rezeki dan agihan wakalah zakat masih diteruskan di seluruh negara. Tanggungjawab sosial korporat ini merupakan aktiviti tahunan yang dilakukan oleh CBP dalam mendekati masyarakat.

Dalam masa yang sama juga, CBP juga turut menyumbang kepada pusat transit gelandangan dengan sumbangan berbentuk makanan untuk diedarkan kepada gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Sebagai tanda keprihatinan CBP kepada masyarakat sekeliling, program-program seperti ini akan diteruskan di masa akan datang.

Sumbangan-sumbangan ini disalurkan melalui kesemua cawangan CBP di seluruh negara dan tidak tertumpu kepada kawasan luar bandar sahaja

PENGHARGAAN

Selaku Pengerusi, saya mewakili seluruh Anggota Lembaga, Pengurusan Kanan dan warga CBP, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di atas segala sokongan yang telah diberikan kepada CBP.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Bank Negara Malaysia (BNM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) serta agensi-agensi kerajaan kerana terus menyokong dan bekerjasama serta membantu CBP sepanjang tahun 2022, sama ada secara langsung mahupun tidak.

Mengambil kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, Pengurusan Kanan serta warga kerja CBP yang telah banyak menyumbang kepada kecemerlangan CBP selama ini.

Terima kasih. Wassalam

Bersama Kita Maju.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Sebagai sebuah institusi koperasi patuh Syariah yang mendokong sistem kewangan Islam, Co-opbank Pertama (CBP) sangat menitik beratkan aspek keberkatan dalam perniagaan sekaligus membuktikan bahawa CBP tidak harus menjadi institusi yang berorientasikan keuntungan semata-mata tetapi mendokong ruh dan semangat falsafah ekonomi Islam dan teras Maqasid Syariah. Antaranya juga, perniagaan CBP berteraskan kepada konsep *Al-Falah* atau kesejahteraan (*well-being*) yang dimaksudkan ialah kesejahteraan di dunia juga di akhirat. Dalam mengejar kemakmuran dan kesejahteraan tersebut Islam menggalakkan untuk mencarinya dengan cara yang *ka'afah*, dunia dan akhirat, material dan spiritual. Konsep *al-falah* dimaksudkan tidak terhad kepada kesejahteraan individu atau anggota sahaja melainkan bagi seluruh umat kerana di dalam Islam dengan jelas mengatur pengagihan sumber ekonomi dan menciptakan keadilan sosial adalah tuntutan umum.

Daripada aspek Pembudayaan Ilmu dan Kefahaman Syariah

CBP melalui pakar-pakar dan bakat-bakat hebat dalam Jabatan Syariah dan kombinasi cendekiawan Islam dalam Jawatankuasa Syariah sentiasa mendokong perkongsian ilmu kepada warga CBP dan anggota serta masyarakat amnya. Dari segi pembudayaan Syariah, beberapa program telah dijalankan antaranya program Bicara Ilmu, ceramah pada hari-hari kebesaran Umat Islam seperti ceramah *Isra' Mi'raj*, ceramah *Nuzul Quran*, ceramah bersempena Malaysia Quran Hour 2022, Tazkirah Ramadhan dan pengendalian latihan Syariah kepada kakitangan CBP di 23 buah cawangan seluruh Malaysia. Selain itu, sebanyak sembilan (9) program yang melibatkan pendidikan kesedaran Syariah telah dicetuskan dan diadakan oleh CBP melalui platform media sosial dan fizikal untuk perkongsian dalaman dan umum. Antaranya juga adalah Siri Terapi Kerohanian yang diadakan merangkumi sebanyak enam (6) siri.



Daripada aspek Hal Ehwal Zakat Perniagaan

CBP sangat mendokong prinsip kewangan Islam sosial dan konsep negara Madani yang mana institusi kewangan wajib beriltizam menyumbang kepada sosio ekonomi Islam dan pembangunan umat. Zakat Perniagaan CBP bagi setiap haul telah selesai dilunaskan yang juga menjadi asbab zakat ke atas dividen oleh anggota tidak lagi perlu dibayar. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dengan keberkatan perkembangan perniagaan berlandaskan Syariah, jumlah zakat ditaksir adalah sebanyak RM 3.098 juta (*haul* 2022) berbanding RM 2.302 juta (*haul* 2021). CBP turut menerima amanah sebagai pengagih wakalah zakat dana baitulmal daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Dana wakalah zakat telah diagihkan kepada asnaf yang layak meliputi asnaf fakir dan miskin, asnaf *gharimin*, asnaf *Riqab* dan asnaf *fisabilillah*. Pada masa akan datang, aktiviti kewangan Islam sosial untuk pembangunan umat melalui dana zakat akan diperkasakan dengan kaedah-kaedah dan model khusus yang akan diperkenalkan oleh CBP. CBP mengambil kata-kata Saidina 'Umar sebagai pedoman maksudnya: "*Apabila engkau memberi zakat, kayakanlah mereka*". Maka Saidina Umar dalam kepimpinannya berusaha mengeluarkan mereka yang fakir dari daerah kefakiran dengan menggunakan harta zakat. Bukan sekadar memberi mereka beberapa suap makanan atau beberapa dirham wang (*Fiqh al-Zakat*, 2/568, Beirut: Muassasah al-Risalah).

Daripada aspek Penyelidikan Syariah

Dalam tahun 2022, Jabatan Syariah telah mengamati persekitaran kewangan Islam dan suasana ekonomi yang mencabar dalam pasca-pandemik. Penyelidikan Syariah telah dicetuskan dengan menjurus kepada mendebunkan aktiviti Kewangan Islam Sosial antaranya penyelidikan dalam perkara keberkesanan zakat perniagaan, Istibdal wakaf tunai kepada aset emas bagi tujuan lindung nilai, kajian terhadap model skim khairat, kajian terhadap isu penamatan akad (*fasakh al-akad*), kajian terhadap struktur wakaf Lestari, kajian Syariah lanjutan pada isu Rahn, dan kajian terhadap tanda aras toleransi pematuhan Syariah. Semua penyelidikan masih berterusan dan kerjasama dengan pihak akademik daripada IPTA dan IPTS dijangkakan akan dibuka sebagai kajian kerjasama supaya kajian penyelidikan akan membuahkan sesuatu yang dapat memberikan manfaat kepada umat.

Zakat Perniagaan CBP bagi setiap haul telah selesai dilunaskan yang juga menjadi asbab zakat ke atas dividen oleh anggota tidak lagi perlu dibayar

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Daripada aspek Resolusi Syariah

Jawatankuasa Syariah CBP sangat berfungsi dengan berkesan, aktif dan pro-aktif sehingga mampu bersidang dalam mesyuarat Syariah bagi tahun 2022 sebanyak 9 kali (mesyuarat berjadual dan khas), melebihi had minimum sebanyak 6 kali yang digariskan dan dikehendaki oleh pengawal selia. Secara rasmi, sebanyak 38 resolusi Syariah berkait hukum hakam Syariah yang sangat penting telah diputuskan dalam tempoh tersebut. Jabatan Syariah CBP telah merekodkan kompilasi Syariah terkini untuk pembukuan edisi ke-2 yang boleh diakses untuk perkongsian ilmu oleh pemegang taruh yang berkaitan. Secara keseluruhan sejak tahun 2019 hingga 2022, terangkum resolusi Syariah sebanyak dua (2) edisi dengan keseluruhan semua edisi dalam 3 tahun tersebut menggabungkan 212 resolusi Syariah.



MODAL SYER CBP MENINGKAT SEBANYAK

RM52.93

JUTA

Bagi tahun 2022, modal syer CBP menunjukkan peningkatan sebanyak RM52.93 juta iaitu 5.4% (2021: RM932.5 juta) kepada RM985.43 pada akhir Disember 2022. Daripada jumlah tersebut, 75% (RM735.21 juta) adalah modal syer biasa manakala 25% (RM250.22 juta) adalah saham keutamaan (iRCPS). Modal syer biasa meningkat sebanyak RM54.75 juta berbanding 2021 (2021: RM680.5 juta) dengan peningkatan syer bagi anggota Individu sebanyak RM48.77 juta manakala Koperasi sebanyak RM5.98 juta. Daripada jumlah keseluruhan syer biasa pada 2022, komposisi syer biasa Individu adalah 84% manakala Koperasi, 16%. Baki iRCPS yang dipegang oleh 1,201 individu dan 59 koperasi berkurangan sebanyak RM1.78 juta berbanding 2021 (2021: RM252.0 juta).

Bagi bilangan anggota, individu mencatatkan penurunan sebanyak 489 orang (0.54%) berbanding 2021 daripada 90,854 kepada 90,365 anggota pada 2022. Manakala bilangan anggota Koperasi meningkat sebanyak 21 Koperasi (2.81%) berbanding 2021 daripada 747 kepada 768 koperasi pada 2022.

CBP sangat prihatin dengan kesejahteraan anggota dan jumlah manfaat yang telah dibayar kepada anggota sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM427,740.00 merangkumi :-

Bil	Jenis Manfaat	Jumlah YTD (Januari – Disember 2022)	
		Bil Anggota	Jumlah Manfaat (RM)
1.	Khairat Kematian	239	356,000.00
2.	Skim Bantuan Am	13	6,500.00
3.	Skim Elaun Hospital	7	1,540.00
4.	Skim Penyakit Kritikal	10	5,000.00
5.	Dermasiswa	8	8,000.00
	Kecemerlangan SPM		
6.	Dermasiswa Ijazah Sarjana Muda	27	42,000.00
7.	Manfaat Sagu Hati Kesetiaan 20 Tahun	29	8,700.00
Jumlah		333	427,740.00

Bagi pengukuhan modal pada tahun 2023, CBP akan memastikan kedudukan modal syer dan iRCPS perlu pada RM1.25 billion selari dengan pertumbuhan aset CBP dalam tahun 2023 dan kedudukan RWCR yang baik (19.6%). CBP menjangkakan purata memasukkan syer baru sebanyak RM25 juta sebulan bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023 dan RM15 juta sebulan dalam tempoh enam (6) bulan terakhir 2023 untuk mengekalkan paras RWCR 19.6%.

Sehingga 15 Januari 2023, jumlah pertambahan modal syer diterima daripada anggota sedia ada adalah RM44.8 juta (990 individu) dan RM2.5 juta (14 koperasi) menjadikan jumlah keseluruhan tambahan syer anggota sedia ada dalam tempoh 15 hari pertama 2023 adalah RM47.3 juta. Manakala permohonan anggota baharu diterima sehingga 15 Januari 2023 adalah 787 individu (RM11.3 juta) dan tiga (3) koperasi (RM0.11 juta).

Selaras dengan hala tuju Aspirasi CBP-5, CBP menyasarkan pencapaian 150,000 anggota Individu dan Koperasi menjelang 2026. CBP turut merancang memperkenalkan program kesetiaan anggota pada 2024 bagi menggalakkan anggota melanggan produk-produk CBP.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Bagi menyokong pertumbuhan aset dan perkembangan perniagaan CBP, (sasaran baki aset pembiayaan 2023 adalah RM6.3 bilion dan sasaran baki aset keseluruhan 2023 adalah RM9.0 bilion), baki syer perlu ditingkatkan kepada RM1.25 bilion (pertambahan RM250 juta daripada baki syer semasa) dan tambahan sebanyak RM250 juta bagi persediaan penebusan iRCPS yang akan matang pada April 2023.

PERBENDAHARAAN

Pengurusan dana dan likuiditi yang efisien bertujuan menyokong pertumbuhan aset pembiayaan dan pelaburan dalam instrumen kewangan patuh Syariah bagi menjana pulangan yang optimum terus menjadi teras utama aktiviti Jabatan Perbendaharaan (JP) sebagaimana tahun sebelumnya.

Usaha mempelbagaikan sumber pendanaan sentiasa menjadi antara fokus utama JP disamping memperkukuhkan sumber sedia ada melalui Akaun Simpanan-i dan Deposit-i Berjangka. Pemeteraian perjanjian *Collateralised Commodity Murabahah* (CCM) telah berjaya disempurnakan dengan dua (2) institusi kewangan sebagai salah satu sumber pendanaan alternatif CBP. Disamping itu, kemudahan Kredit Berputar (*Revolving Credit*) dan Dana Tunai (*Cash Line*) sedia ada juga sedang disemak bagi memastikan CBP sentiasa bersedia sekiranya berhadapan dengan isu kecairan luar jangka dan upaya untuk memenuhi obligasi dan komitmen pembayaran.

Bagi menambahbaik pengurusan likuiditi harian Bank, JP telah menggariskan kaedah tempahan dana yang lebih tersusun untuk kegunaan pembiayaan runcit, borong dan operasi bagi memastikan keperluan dana dapat dipenuhi secara terancang serta tidak melibatkan kos dana yang tinggi. Permohonan dana harian Cawangan CBP juga sedang diautomasi agar aliran kerja pemindahan dana dapat dilakukan dengan lebih teratur serta proses secara manual dapat diminimalkan.

JP tidak terkecuali berperanan memberi sumbangan kepada pertumbuhan Pembiayaan Ar-Rahnu di CBP. Seksyen Pelaburan telah bertindak proaktif dengan mewujudkan prosedur berkenaan penetapan harga emas harian yang digunakan oleh Unit Perniagaan Ar-Rahnu di cawangan-cawangan CBP seluruh negara. Penentuan harga emas yang selari dengan pasaran semasa menjadikan perniagaan Ar-Rahnu CBP lebih kompetitif serta mampu memberi saingan kepada operator-operator Ar-Rahnu lainnya.

Portfolio pelaburan Sukuk CBP terus berkembang dengan mencatatkan jumlah melepasi angka RM1 bilion pada 31 Disember 2022. Disamping dapat mengoptimumkan pulangan dari pendapatan kupon dan keuntungan modal, pegangan Sukuk Terbitan Kerajaan Malaysia (GII) dan Sukuk Terbitan dengan Jaminan Kerajaan (GG) dapat memastikan tahap kesediaan aset cair berkualiti tinggi (HQLA) adalah mencukupi untuk menyokong keperluan aliran tunai serta pematuhan terhadap nisbah-nisbah kehematan seperti LAR (Nisbah Aset Cair) dan RWCR (Nisbah Modal Berwajaran Risiko).

Peralihan negara ke fasa endemik Covid19, bermula 1 April 2022 serta pembukaan semula sebahagian besar sektor perniagaan telah merancakkan aktiviti pemasaran di bawah seliaan Seksyen Pemasaran dan Hubungan Pelanggan. Pelbagai program telah dilaksanakan yang melibatkan pendeposit korporat CBP khususnya yang berada di Wilayah 1, 2 dan 3. Beberapa siri pertemuan ramah mesra dan lawatan kerja bersama pendeposit sedia ada dan berpotensi telah mendapat sambutan yang baik serta menunjukkan hasil yang positif dalam usaha meluaskan jaringan pendeposit CBP ke seluruh Malaysia.

CBP meneruskan komitmen sebagai Pengurus Dana ADK-KWRS lantikan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi tahun ke-4 dengan menjalin kerjasama menganjurkan taklimat pematuan mendeposit ADK serta penawaran peluang pembiayaan menggunakan dana ADK-KWRS melalui SKM Pusat dan Negeri. Sebanyak enam (6) program taklimat telah berjaya dilaksanakan yang turut melibatkan Koperasi-koperasi di Sabah dan Sarawak. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 281 buah Koperasi seluruh Malaysia dengan nilai deposit terkumpul hampir mencecah RM200 juta telah berjaya diperolehi.

JP sentiasa komited dalam memastikan pengurusan portfolio CBP yang lebih sistematik disamping mampu menjana rekod perakaunan yang tepat dan cepat. Sehubungan itu, Unit *Treasury Management System* (TMS) di bawah Seksyen Sistem dan Sokongan telah melaksanakan pengambilan tenaga kerja mahir (*subject matter expert*) bagi merealisasikan perolehan pembangunan Sistem Perbendaharaan. Proses perolehan telah mengambilkira aspek tadbir urus yang baik dengan pemantauan rapi daripada Unit Integriti dan Governans. Pelaksanaan automasi sepenuhnya operasi perbendaharaan disasarkan pada suku ketiga tahun 2023.

JABATAN PEMBIAYAAN KOPERASI DAN KORPORAT

Bagi tahun kewangan 2022, Jabatan Perbankan Koperasi (JPKOOP) dan Jabatan Perbankan Korporat (JPKORP) telah meluluskan permohonan pembiayaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM211.4 juta, meningkat sebanyak 25% dari tahun kewangan 2021. Kelulusan pembiayaan kepada sektor Koperasi direkodkan sebanyak RM105.8 juta diikuti dengan sektor Korporat dengan kelulusan pembiayaan sebanyak RM105.6 juta.

Pertumbuhan positif ini seiring dengan peningkatan jumlah kelulusan pembiayaan iaitu sebanyak 35 bilangan kelulusan pembiayaan direkodkan bagi tahun 2022. Ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak 94% berbanding dengan tahun lalu iaitu sebanyak 18 bilangan kelulusan pembiayaan.

Selain itu, jumlah pengeluaran pembiayaan bagi tahun 2022 juga telah menunjukkan prestasi yang positif dengan catatan sebanyak RM51.7 juta, pertumbuhan sebanyak 289% berbanding dengan tahun lalu sebanyak RM13.3 juta.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



Setakat 31 Disember 2022, peratusan baki kasar pembiayaan dalam sektor Koperasi direkodkan pada 32.6% (RM91.4 juta) manakala pembiayaan sektor Korporat pada 67.4% (RM188.5 juta) dari keseluruhan portfolio JPKOOP dan JPKORP.

CBP komited dalam mengembangkan peranan sebagai bank koperasi terutama kepada sektor Koperasi Kredit serta penyumbang modal bagi gerakan koperasi. Pembiayaan modal kerja kepada Pembiayaan Kredit serta Pembiayaan Hartanah adalah merupakan produk utama yang kini dapat disalurkan kepada koperasi-koperasi yang berkelayakan dan berkemampuan bagi menyokong operasi perniagaan mereka.

Pertumbuhan keseluruhan bagi portfolio pembiayaan Koperasi dan Korporat bagi tahun kewangan 2022 telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan meskipun berdepan dengan keadaan lanskap ekonomi yang sangat mencabar. Perkembangan yang positif ini telah di dorong hasil pelaksanaan aktiviti pemasaran yang proaktif serta penilaian kredit yang berhemah bagi setiap permohonan yang diterima bagi kedua-dua sektor Koperasi dan Korporat.

INISIATIF DAN PENCAPAIAN BAGI JABATAN PEMBANGUNAN PRODUK DAN PERNIAGAAN (JPPP) UNTUK TAHUN 2022

Jabatan Pembangunan Produk dan Perniagaan (JPPP) merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan untuk CBP. Penubuhan JPPP adalah berteraskan kepada dua (2) objektif utama iaitu yang pertama; sebagai perancang pelan tindakan pembangunan produk untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang dibangunkan adalah selaras dengan matlamat perniagaan CBP dan yang kedua; JPPKP juga merupakan pemacu pengkajian pasaran semasa yang bertepatan dengan objektif CBP untuk memahami dan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk semua Anggota dan Pelanggan CBP.

Bagi membantu menaikkan portfolio kewangan CBP, JPPP telah melaksanakan beberapa kempen yang menarik bersama dengan cabutan bertuah. Pelaksanaan kempen ini sekaligus dapat mencipta penjenamaan yang positif serta menempatkan CBP seiring dengan institusi kewangan di pasaran semasa. Bagi tahun 2022, Kempen Raya2Raya, Kempen Akaun Simpanan-i Salam "Simpan dan Menang" dan Kempen Akaun Deposit-i Berjangka "Simpan, Untung dan Menang!" telah dilancarkan di mana kempen-kempen tersebut

JUMLAH PENGELUARAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2022

RM2.80
BILION

PEMBIAYAAN SEKTOR KORPORAT

RM188.5
JUTA

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



menawarkan pakej dan kadar keuntungan yang menarik bagi langganan produk pembiayaan runcit dan korporat/koperasi, produk deposit (runcit dan korporat) serta perkhidmatan wasiat.

Peranan terbaharu yang dipertanggungjawabkan kepada JPPP adalah untuk menjalankan kolaborasi/ kerjasama dengan pihak strategik yang berkepentingan. Beberapa kolaborasi yang berjaya dimeterai oleh CBP adalah bersama dengan Policystreet untuk penyediaan platform pembelian takaful kereta dan MyAngkasa Amanah Berhad untuk penjualan produk wasiat.

Bagi memastikan CBP sentiasa berdaya saing, Pembiayaan Peribadi-i Profesional yang mensasarkan golongan profesional telah diperkenalkan di dalam tahun 2022. Selain itu, penambahbaikan bagi had pembiayaan maksimum untuk pembiayaan peribadi juga telah dipertingkatkan dari RM200,000 kepada RM400,000. Dua (2) program/skim pembiayaan yang memfokuskan portfolio koperasi/ korporat turut diperkenalkan di dalam tahun 2022; iaitu Skim Pendanaan ADK-KWRS untuk Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad yang merupakan satu (1) inisiatif di antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan CBP; manakala CBP Financing Program iaitu pakej pembiayaan khas yang ditawarkan untuk pembekal CBP yang berminat.

Antara produk dan perkhidmatan baharu yang sedang dibangunkan oleh JPPP adalah pembiayaan sewa beli, pembiayaan mikro, surat jaminan dan hibah (saham koperasi dan hartanah) serta Takaful Kemalangan Diri Berkelompok. Selain itu, kebajikan untuk Kakitangan CBP juga turut diberi perhatian melalui Skim Manfaat Pekerja CBP yang bakal dipakejkan melalui pembiayaan peribadi dan pembiayaan perumahan. JPPP turut terlibat dalam memastikan aspek pengurusan operasi dan pembangunan operasi CBP berjalan lancar melalui penambahbaikan dokumen dan proses sedia ada di CBP seperti dokumen dan prosedur/ aturan bagi produk/ perkhidmatan.

JPPP akan sentiasa memberikan kerjasama dan sokongan kepada jabatan-jabatan lain di CBP dengan memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah bermanfaat dan penyelesaian untuk keperluan perbankan Syariah yang merupakan teras kepada perniagaan dan pengoperasian CBP.

JABATAN PENTADBIRAN KREDIT

Pelan Sektor Kewangan 2022-2026

Bank Negara Malaysia telah merangka Pelan Sektor Kewangan untuk tempoh lima (5) tahun yang menggariskan visi dan strategi untuk pembangunan sektor kewangan negara. Pelan ini menggariskan keutamaan BNM bagi pembangunan sektor kewangan dalam tempoh lima tahun akan datang, yang berteraskan usaha memupuk kedinamikan pasaran dan menyokong matlamat pembangunan lestari, sambil terus mendukung mandat kestabilan monetari dan kewangan.

Pelan ini dirancang agar dapat mencapai tiga (3) perkara dihasratkan oleh BNM adalah kewangan untuk semua, kewangan untuk pembaharuan dan pembaharuan untuk kemampuhan. Pelan BNM ini juga mengenal pasti lima teras strategik untuk dicapai iaitu:

- Membiayai transformasi ekonomi Malaysia;
- Meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan;
- Memajukan pendigitalan dan sektor kewangan;
- Meletakkan sistem kewangan untuk memudahkan peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari;
- Memajukan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN



Melalui hasrat kewangan untuk semua, ianya dapat memberi pilihan yang pelbagai untuk pelanggan melalui penyelesaian pertama digital, mengukuhkan keselamatan kewangan, dan mendapatkan pelanggan sektor kewangan yang berkelayakan. Kewangan untuk transformasi akan berkembang dalam integrasi global kewangan alternatif, dengan menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk antarabangsa untuk menyediakan landskap kewangan Islam yang dinamik dan strategik. Kewangan untuk kelestarian boleh menggunakan pengantaraan berasaskan nilai untuk membantu ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar dan juga pembangunan yang memberangsangkan dalam kelestarian kewangan dan pembiayaan lestari.

Lima teras strategik ini secara objektifnya adalah untuk membiayai sistem ekonomi Malaysia dan meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah dan perniagaan. Ia boleh mengekalkan pemulihan ekonomi yang kukuh seperti, ekosistem jaminan kredit yang menyokong, penggunaan data yang lebih besar dan maju serta memberikan alternatif yang pelbagai, dan seterusnya dapat menjadi sokongan kepada kitaran balas *Development Financial Institution* ("DFI") yang lebih kukuh. Ia juga membantu mempercepatkan transformasi kepada negara berpendapatan tinggi dengan menyokong rangka kerja pengawalseliaan dan percukaian untuk kewangan alternatif, dan kerjasama pengawalseliaan yang lebih kukuh untuk membangunkan serta mengawasi risiko daripada ekosistem kewangan bukan hutang. Jika tidak ianya secara tidak langsung boleh menjejaskan daya tahan pasca pandemik. Peranan institusi kewangan boleh dilaksanakan melalui peningkatan transaksi bercagar dan pasaran derivatif yang maju untuk pasaran kewangan tempatan yang lebih rancak, memperbanyakkan penggunaan insurans dan takaful ke arah yang lebih besar sebagai sokongan kepada pembiayaan firma, terutamanya kepada firma di dalam industri berisiko tinggi. Justeru itu CBP berharap dapat mewujudkan pembiayaan pengguna baharu seperti pembiayaan sewa beli dan juga pembiayaan mikro dalam menyokong pelan tersebut. CBP juga mengukuhkan proses penilaian kredit dan struktur pembiayaan

bermula dari permohonan sehingga pembiayaan diselesaikan. CBP disokong oleh visi dan strategi yang diketengahkan oleh Bank Negara Malaysia. CBP akan berdiri sebagai institusi yang stabil dengan mengekalkan proses semakan dan tapisan yang baik sepanjang pembiayaan pelanggan.

Jabatan Strategi dan Komunikasi Korporat

Dalam memastikan CBP dapat terus maju ke hadapan seiring dengan peredaran zaman, CBP telah melancarkan Pelan Strategik CBP 2022-2026 : Aspirasi CBP-5 yang telah dilancarkan pada Mei 2022. Dengan adanya pelan strategik ini, ianya akan menjadi satu garis panduan untuk membawa CBP ke satu tahap yang lebih tinggi menjelang tahun 2026.

Pelan strategik ini merupakan satu kesinambungan daripada Pelan Strategik sebelumnya yang telah digubal bagi tahun 2015-2020. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan yang komprehensif kepada pelanggan dan dalam masa yang sama adalah menjaga kepentingan anggota, pelan strategik ini akan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih efektif bagi memastikan objektif dapat dicapai.

Pelan perancangan ini disediakan bagi memantapkan dan menambahbaik produk dan perkhidmatan CBP dengan memberi fokus kepada empat (4) teras strategik meliputi aspek Kewangan, Modal Insan & Pelanggan, Proses Dalam dan Alam Sekitar dan Sosial & Tadbir Urus. Teras-teras strategik ini akan disokong oleh lima (5) fokus strategik iaitu kepelbagaian produk dan perkhidmatan, peningkatan kecekapan operasi, pengukuhan pemantauan dan kawalan, alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta amalan budaya kerja berprestasi tinggi.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

Menerusi empat (4) teras dan lima (5) fokus strategik ini, ianya dijangka dapat meningkatkan keyakinan pelanggan keyakinan pelanggan seterusnya melonjakkan jenama CBP sebagai sebuah entiti yang mampan dan mengukuhkan CBP sebagai sebuah co-opbank yang terunggul di negara ini.

Dalam kesukaran menghadapi pasca Covid-19, CBP masih terus mengekalkan program tanggungjawab sosial korporat di seluruh negara. Program-program seperti CB-Prihatin, agihan kotak rezeki, santuni gelandangan dan beberapa program kemasyarakatan lain masih lagi diteruskan sebagai tanda komitmen CBP untuk mendekati golongan yang memerlukan.



CBP telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program tanggungjawab sosial korporat dalam misi untuk membantu masyarakat dan golongan yang memerlukan.

INTEGRITI DAN GOVERNANS

Unit Integriti & Governans (UIG) telah ditubuhkan pada Jun 2022, dimana empat (4) fungsi teras telah dipindahkan kepada UIG, iaitu, Pengurusan Aduan, Pengesanan & Pengesahan, Pengukuhan Integriti dan Governans. Kesemua fungsi siasatan dan pengesanan telah diletakkan dibawah UIG dimana dikawal selia Ketua UIG. UIG telah membuat sesi bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam penerangan berkenaan penubuhan UIG sendiri pada 9 ogos 2022 bertempat di SPRM Putrajaya.

UIG mendapati CBP sedang dalam proses berkembang dalam memperbesarkan lagi perniagaan dimana banyak proses perolehan dibuat dibawah CBP bagi keperluan semasa CBP. CBP komited dalam meningkatkan integriti di CBP melalui pencegahan amalan rasuah. Integriti adalah amat penting demi mengelakkan ketirisan dalam perolehan CBP dan impak diberikan Salah satu inisiatif bagi meningkatkan amalan integriti dalam proses perolehan CBP adalah melalui pelaksanaan *Integrity Pact*. Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk memperkukuhkan usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan CBP serta dalam masa yang sama mencegah ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan dan mengekang penyalahgunaan kuasa.

UIG telah mengambil alih proses pemberi maklumat (*whistleblowing*) dimana kesemua aduan akan diterima UIG dan akan disalurkan kepada saluran yang tepat sama ada dilakukan siasatan lanjut ataupun tidak. Dari segi pengukuhan integriti, UIG telah membuat perkongsian pendedahan dalam mempertingkatkan integriti melalui hebahan laman sesawang berkenaan topik integriti setiap dua (2) minggu sekali. Dalam pada yang sama UIG masih didalam proses dalam pembangunan polisi serta prosedur berkenaan aduan dan siasatan dalam memastikan CBP terus berkembang maju diluar pengaruh rasuah.

PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh CBP sepanjang tahun 2022 bagi mengurangkan risiko impak Pasca COVID-19 terhadap CBP dan juga kenaikan Kadar Harga Semalaman ("OPR") sebanyak empat (4) kali oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bermula Mei 2022 hingga Disember 2022. Antara strategi yang dilaksanakan oleh CBP bagi mengawal pendedahan risiko sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

1. Risiko Kredit Pasca Moratorium

Moratorium yang diberikan bagi fasa terakhir tamat pada tahun 2022. Namun begitu, masih terdapat moratorium lanjutan yang diberikan kepada mangsa yang terlibat dengan bencana alam banjir pada November hingga Disember 2022. Untuk pembiayaan yang telah tamat tempoh moratorium, pemantauan akaun dilakukan secara terperinci agar pelan mitigasi awal dapat dilakukan. Antara pelan mitigasi awal adalah penstrukturan akaun pembiayaan Koperasi dan Korporat serta analisa portfolio Pembiayaan Peribadi bagi tahun 2019-2022 untuk memantau trend bayaran pembiayaan dengan mengambil kira kenaikan kadar OPR sebanyak 1% pada tahun 2022 dan juga faktor yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk melunaskan obligasi.

2. Risiko Kredit - Penilaian Pembiayaan

Faktor pembiayaan juga mengambil kira sektor pekerjaan pemohon kerana banyak sektor pekerjaan terjejas akibat COVID-19. Pemulihan sektor pekerjaan masih dilihat perlahan pada tahun 2022 dan ditambah dengan kenaikan kadar OPR yang menyebabkan peningkatan kos serta bayaran akaun pembiayaan. Langkah-langkah mitigasi dan pemantauan awal dilakukan bagi mengenalpasti akaun-akaun yang mempunyai tunggakan 1-3 bulan iaitu di peringkat '*early care*'.

Selain daripada itu, penambahbaikan terhadap penilaian permohonan pembiayaan bercagar hartanah telah dilakukan melalui aplikasi sistem. Penambahbaikan analisa risiko kredit juga terus dilakukan bagi pembiayaan koperasi dan korporat untuk memastikan kualiti aset serta membantu mitigasi risiko peringkat awal.



Semakan skorkad 'Corporate Financing Credit Rating' telah dilakukan untuk penambahbaikan parameter yang lebih tepat dan relevan, seiring dengan perubahan semasa untuk tujuan penggredan pemohon/pelanggan semasa penilaian pembiayaan dan semakan kredit pembiayaan secara berkala. Skorkad turut dikemaskini dengan mengambil kira penilaian kuantitatif dan kualitatif bagi menepati piawaian 'Malaysian Financial Reporting Standard 9 (MFRS9)'.

3. Impak Kenaikan OPR 2022

OPR telah meningkat daripada 1.75% kepada 2.75% dengan peningkatan sebanyak 1.00% sepanjang 2022. Kenaikan ini adalah selaras dengan matlamat BNM untuk mengawal inflasi dan membantu perkembangan ekonomi Malaysia. Sebagai persediaan jangkaan peningkatan OPR seterusnya dan memastikan margin kadar keuntungan CBP menepati bajet, CBP telah melaksanakan unjuran lima (5) tahun impak terhadap margin kadar keuntungan CBP.

Unjuran ini bertujuan untuk memudahkan CBP memantau serta mengawal kadar keuntungan dan kadar kos pendanaan bagi mengelakkan pengecutan ketara terhadap margin kadar keuntungan CBP. Salah satu daripada strategi yang telah diambil adalah meningkatkan portfolio pembiayaan berkadar terapung khususnya pembiayaan peribadi.

4. Pengukuhan Kawalan Modal & Likuiditi

CBP telah memperkukuhkan lagi kawalan terhadap risiko modal dan likuiditi dengan melaksanakan pelbagai ujian tekanan ataupun 'Stress Testing'.

'Stress Testing' ini adalah persediaan awal CBP dalam memastikan modal & likuiditi CBP berada di dalam keadaan yang memuaskan serta risiko yang dikenal pasti dimitigasi berdasarkan pelan kontingensi yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Penuh (ALK). 'Stress Testing' modal dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun manakala 'Stress Testing' terhadap *Liquidity Coverage Ratio* dilaksanakan secara bulanan.

5. Pengukuhan Pengurusan Risiko Operasi

Kepentingan pengurusan Risiko Operasi adalah untuk membendung risiko-risiko kerugian selain daripada Risiko Kredit dan Risiko Pasaran. Beberapa inisiatif telah diambil untuk mengukuhkan pengurusan risiko operasi di CBP dengan menambah baik Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Enterpris bagi memastikan proses Fungsi Perniagaan Kritikal (*Critical Business Functions - CBF*) dikekalkan dan dapat berfungsi secara minimum, sekiranya terjadi gangguan atau bencana. Ia merangkumi juga dasar, skop dan tanggungjawab sebagai asas tadbir urus dalaman dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pemulihan operasi di kesemua Jabatan di CBP.

Di samping itu, Unit Risiko Operasi CBP telah menjalankan aktiviti semakan penilaian risiko ke atas *Non Financial Risk (NFR)* yang lebih memfokuskan keatas risiko-risiko daripada ancaman bencana alam, penularan pandemik dan buatan manusia yang memberi kesan keatas keselamatan kakitangan dan harta benda. Objektif laporan NFR ini adalah untuk membantu mengenalpasti tahap risiko di cawangan yang berlainan lokasi dan membantu jabatan-jabatan berkaitan menyediakan pelan mitigasi berpadanan untuk mengurangkan impak gangguan kepada operasi cawangan. Ia turut memberi kesedaran kepada kakitangan CBP tentang risiko yang dihadapi serta kesesuaian kawalan yang ada di CBP.

LAPORAN KEMAMPAHAN DAN ANALISA PENGURUSAN

6. Risiko Teknologi Maklumat (IT)

CBP menuju ke arah pendigitalan, selari dengan pelan strategik dan 'IT Blueprint' serta perkembangan teknologi semasa. Risiko terhadap teknologi maklumat menjadi satu aspek yang sangat penting untuk dipantau dan dinilai secara menyeluruh. Unit Risiko Operasi telah mengambil inisiatif dengan menjalankan pemantauan dan penilaian risiko bagi setiap projek melibatkan teknologi dan infrastruktur IT CBP untuk memastikan tahap keselamatan dan kesiapsiagaan pasukan IT CBP dalam menangani ancaman-ancaman siber disamping memastikan integriti data CBP terpelihara.

Penilaian risiko IT dilakukan untuk mengenalpasti tahap risiko IT sedia ada, seperti ancaman kecurian data, integriti data, isu ketersediaan sistem, dan serangan siber bagi mewujudkan kawalan dan mitigasi yang mencukupi untuk menghindari risiko gangguan sistem IT yang boleh menyebabkan operasi CBP terjejas.

Selain risiko-risiko yang sudah dikenalpasti, ada juga risiko-risiko yang baru muncul atau disebut sebagai *Emerging Risk* yang terkait dengan penggunaan teknologi dan media sosial yang semakin canggih dan kompleks. Contohnya, risiko berkaitan dengan penggunaan teknologi blok rantai, *Internet of Things* ("IoT"), dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*) yang masih dalam tahap pengembangan dan belum secara am difahami sepenuhnya. Oleh kerana itu, Unit Risiko Operasi terus memantau dan mengenalpasti '*emerging risk*' untuk memastikan bahawa CBP sentiasa bersedia menghadapi risiko-risiko baru yang muncul dan dapat mengambil tindakan pencegahan dan kawalan yang diperlukan secara holistik.

Objektif laporan NFR ini adalah untuk membantu mengenalpasti tahap risiko di cawangan yang berlainan lokasi dan membantu jabatan-jabatan berkaitan menyediakan pelan mitigasi berpadanan untuk mengurangkan impak gangguan kepada operasi cawangan

7. Risiko Penipuan '*Fraud Risk*'


'*Fraud risk*' merujuk kepada risiko aktiviti penipuan atau pemalsuan yang boleh membahayakan organisasi atau individu. Penipuan boleh mengambil pelbagai bentuk, seperti pemalsuan dokumen, pencurian / pemalsuan identiti, atau penyalahgunaan kuasa dan pengaruh. Penipu atau '*Fraudster*' menggunakan pelbagai taktik untuk memperdayakan mangsa seperti memalsukan dokumen berkaitan kewangan, penyata gaji, majikan, atau pengenalan diri, mengambil dana secara salah, menggadaikan aset seperti emas palsu dan lain-lain modus operandi yang mengelirukan. Penipuan boleh memberi kesan yang serius, termasuk kerugian kewangan, liabiliti undang-undang, reputasi yang rosak, dan juga tindakan jenayah.

Bagi mengurangkan risiko penipuan, CBP melalui Jabatan-Jabatan terlibat terutamanya Unit Integriti dan Governans serta Jabatan Audit Dalaman komited melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan pengesanan penipuan yang berkesan. Ini termasuk menerbitkan notis kesedaran kepada pelanggan melalui laman sesawang dan sosial CBP bagi larangan berurusan, mendedahkan maklumat peribadi atau maklumat keselamatan kewangan kepada pihak ketiga kerana CBP tidak melantik mana-mana agen bagi sebarang urusan permohonan pembiayaan. Selain itu, penilaian risiko secara berterusan dilakukan bagi menambahbaik proses dan kawalan sedia ada di CBP untuk menangani risiko-risiko penipuan. CBP turut memantau trend penipuan dan menyesuaikan strategi pengurusan risiko mengikut keadaan semasa. Dengan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mencegah penipuan, CBP dapat melindungi aset, reputasi, dan kepentingan organisasi dari kesan penipuan.

8. Pengurusan Risiko Syariah

Pematuhan syariah adalah penting untuk memberi keyakinan dan jaminan kepada orang ramai, serta meningkatkan kredibiliti CBP dalam usaha merealisasikan visi CBP sebagai Co-opbank Syariah Terunggul di Malaysia. CBP berpotensi terdedah kepada risiko ketidakpatuhan Syariah jika operasi dan aktiviti perniagaan tidak mematuhi prinsip dan tatacara pengurusan Syariah. Sehubungan dengan ini, pengurusan risiko Syariah dalam CBP adalah penting untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah secara sistematik dan mengurangkan sebarang kemungkinan kejadian ketidakpatuhan.

Kaedah yang digunakan untuk menguruskan risiko Syariah tertakluk kepada Rangka Kerja Risiko Operasi. CBP juga memandang serius sebarang kejadian yang melibatkan ketidakpatuhan syariah (*Syariah Non-Compliance - SNC*) serta meletakkan toleransi sifar (*zero tolerance*) bagi sebarang kejadian SNC yang dilaporkan. Pengurusan risiko Syariah adalah penting untuk memastikan kelestarian jangka panjang institusi kewangan Islam dan untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan dalam industri ini.



9. Pematuhan

Pematuhan adalah tanggungjawab setiap warga kerja. CBP menyemai budaya pematuhan yang kukuh dan sentiasa memastikan ia dipupuk dalam jati diri setiap warga kerja CBP berdasarkan nilai teras (*Core Values*) CBP. Antara yang utama, program berkaitan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan secara berterusan dilaksanakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan memupuk kesedaran berkenaan kepentingan dalam membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Polisi dan Prosedur *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001* ("AMLATFPUAA") telah ditambahbaik dan bertindak sebagai kaedah kawalan dalaman yang dapat membantu unit perniagaan / sokongan serta cawangan menjalankan operasi harian.

Fungsi pematuhan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kawalan untuk menguruskan risiko pematuhan terhadap Akta dan Garis Panduan Kawal Selia adalah mencukupi. CBP telah memperkuat dan memperkukuhkan tadbir urus keseluruhannya, dengan pemantauan berterusan terhadap polisi dan prosedur berkaitan dengan kawalselia serta latihan untuk meningkatkan kesedaran terhadap budaya pematuhan (*Compliance Culture*). Usaha untuk memperkasa budaya pematuhan di CBP selaras dengan amalan terbaik industri serta selari dengan hasrat pihak Pengurusan dan Lembaga CBP.

Seterusnya, di dalam usaha menggalakkan pematuhan Syariah, CBP sentiasa meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan prinsip asas Syariah dengan merangka program pembelajaran berstruktur dan pensijilan. Fungsi '*Syariah Compliance Review*' dan Syariah Audit dijalankan secara fasa dari mod '*outsourcing*' kepada '*co-sourcing*' dengan objektif pemindahan pembelajaran (*transfer of knowledge*) daripada konsultant Syariah yang mahir kepada kakitangan dalaman CBP.

Pematuhan syariah adalah penting untuk memberi keyakinan dan jaminan kepada orang ramai, serta meningkatkan kredibiliti CBP dalam usaha merealisasikan visi CBP sebagai Co-opbank Syariah Terunggul di Malaysia

AKTIVITI 2022

28-30 JANUARI

Program Usahawan dan Koperasi, Kuala Selangor



2 FEBRUARI

Program Back To School & CB-Prihatin, Butterworth



9 FEBRUARI

Majlis Lafaz Ikrar Integriti



1 MAC

Majlis Penyampaian Hadiah Kempen 12.12, Kuala Lumpur



14 APRIL

Majlis Berbuka Puasa CBP, Kuala Lumpur



31 MEI

Majlis Rumah Terbuka CBP dan Pelancaran Buku Perancangan Strategik CBP 2022-2026, Pulau Pinang



AKTIVITI 2022

25 JUN

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT), Kuala Lumpur



1 - 2 JULAI

Hari Koperasi Negara, Kuala Lumpur



18 OGOS

Hari CBP, Cawangan CBP



31 OGOS

Perasmian CBP Cawangan Tawau



19 SEPTEMBER

Majlis Pengumuman Dividen ADK-KWRS, Kuala Lumpur



AKTIVITI 2022

19 SEPTEMBER

Majlis Pertukaran MoU CBP Bersama Sedania, Policy Street, MyANGKASA dan UNIRAZAK, Kuala Lumpur



7 DISEMBER

BrandLaureate Awards, Kuala Lumpur



10 DISEMBER

Majlis Ramah Mesra Anggota, Johor



10 DISEMBER

Majlis Pelancaran Wafer Emas Mat Kilau, Johor



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Anggota Lembaga Co-opbank Pertama (CBP) berhasrat untuk meneruskan usaha dalam meningkatkan tadbir urus yang lebih baik dengan membina pengurusan yang lebih berkesan dan bijak yang mampu meraih kejayaan tempoh jangka panjang kepada CBP di samping mencapai kredibiliti dan integriti tertinggi terutamanya dalam prinsip perniagaan, profesionalisme yang diharapkan oleh para Anggota, Pelanggan dan Pengawal Selia.

ANGGOTA LEMBAGA

Komposisi

Komposisi Anggota Lembaga CBP adalah terdiri daripada sembilan (9) orang yang dilantik pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) menurut Fasal 36 Undang-Undang Kecil CBP sebagaimana berikut:

- (a) Enam (6) orang perwakilan dipilih dalam MAPT; dan
- (b) Tiga (3) orang Anggota atau perwakilan yang dinamakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berhak melantik mana-mana individu sebagai Anggota Lembaga CBP sepertimana yang dibenarkan di dalam Seksyen 69 (1)(iv)(B). Semua Anggota Lembaga bebas untuk membuat pertimbangan dalam menentukan hala tuju, strategi, menetapkan indeks penunjuk prestasi utama, pemilihan sumber-sumber dan penetapan dasar-dasar.

Struktur tadbir urus korporat CBP sepertimana kehendak GP11: Garis Panduan Penubuhan dan Pengendalian Co-opbank (Pindaan) 2019 (GP11) adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Anggota Lembaga hendaklah memenuhi kriteria layak dan sesuai menurut GP3: Garis Panduan Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga;
- (ii) Pengurusan berasingan daripada Anggota Lembaga CBP;
- (iii) Jawatankuasa Audit Dalaman yang bebas; dan
- (iv) Jawatankuasa lain yang dibentuk seperti Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Anggota Lembaga mempunyai latar belakang yang berbeza serta mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang perbankan, kewangan, pengauditan, perakaunan, perundangan dan perniagaan. Anggota Lembaga juga mempunyai pengalaman dalam menangani risiko dan isu-isu utama yang berkaitan dengan perniagaan CBP terutamanya dalam dasar-dasar, strategi dan pelan tindakan bagi merangka strategi untuk mengatasi sebarang cabaran dan halangan yang bakal dihadapi dengan berkesan dalam persekitaran perbankan masa kini.

Tempoh Memegang Jawatan

Berdasarkan Perkara 39 Undang-Undang Kecil CBP:

- (i) Satu per tiga (1/3) daripada Anggota Lembaga menurut perenggan (a), Undang-undang Kecil 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap MAPT.
- (ii) Kesemua Anggota Lembaga menurut perenggan (b) Undang-undang Kecil 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap MAPT dan boleh dilantik semula.
- (iii) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).
- (iv) Kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut perenggan (a) Undang-undang Kecil 36 hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkeelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga MAPT akan datang.
- (v) Kekosongan jawatan Anggota Lembaga menurut perenggan (b) Undang-undang Kecil 36 hendaklah diisi oleh Suruhanjaya dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga MAPT akan datang.

Tugas dan Tanggungjawab

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, Anggota Lembaga komited dan mematuhi sepenuhnya piawaian tertinggi tadbir urus korporat. Ini adalah perlu bagi memastikan CBP akan terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh dalam memberi nilai jangka panjang dan mampan kepada pihak berkepentingan.

Tugas dan tanggungjawab Anggota Lembaga yang menjalankan aktiviti perbankan sepertimana kehendak GP11 SKM adalah seperti berikut:

- (a) Memastikan supaya hala tuju koperasi adalah jelas dan selaras dengan peranan yang telah dimandatkan oleh Anggota. Anggota Lembaga dipertanggungjawabkan untuk menerajui CBP supaya perkhidmatan kewangan dan kemudahan yang bersesuaian dapat disediakan dengan baik. Anggota Lembaga juga boleh memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada sektor-sektor yang disasarkan dalam ekonomi negara;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (b) Memilih dan melantik Pegawai-Pegawai Kanan yang layak dan kompeten untuk mengurus CBP dengan berkesan dan baik. Anggota Lembaga bertanggungjawab memastikan kakitangan CBP adalah kompeten dan efektif dalam melaksanakan tugasnya. Disamping itu, Anggota Lembaga hendaklah memastikan supaya kakitangan CBP memahami misi korporat, strategi, program dan berbagai skim dan dana yang diwujudkan oleh Kerajaan dan SKM;
- (c) Menyelia dan mengambil maklum hal ehwal CBP dan dasar pengurusannya dalam memastikan bahawa CBP diurus dengan baik. Anggota Lembaga dipertanggungjawabkan untuk mengawasi dan menyelia CBP supaya beroperasi dalam keadaan selamat dan utuh. Justeru, komitmen pengawasan dan penyeliaan yang diamanahkan memerlukan tahap kearifan, kehematan, keputusan perniagaan yang baik dan kompetensi yang tinggi;
- (d) Menerima pakai dan mematuhi dasar dan objektif CBP yang telah disediakan dengan baik dan telah dibincangkan dengan terperinci. Anggota Lembaga hendaklah menetapkan dasar dan objektif yang jelas bagi membolehkan pengurusan dan kakitangan melaksanakan tugas operasi. Aspek operasi yang perlu dipantau dan digubal dasarnya adalah perancangan strategik, pentadbiran dan pengawalan kredit, pengurusan aset dan liabiliti (merangkumi pengurusan risiko likuiditi dan risiko kadar keuntungan dan pasaran), pentadbiran dan pengawalan sistem perakaunan, mutu perkhidmatan, sistem maklumat dan perancangan automasi, pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasannya, pembiayaan kegunaan, perancangan keuntungan dan bajet serta kecukupan pembangunan modal wang dan modal insan;
- (e) Mewujudkan dan memastikan keberkesanan fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Imbuan, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalaman;
- (f) Menubuhkan Jabatan Audit Dalaman yang efektif dan diuruskan oleh kakitangan yang berkelayakan untuk melaksanakan fungsi audit dalaman yang merangkumi audit kewangan serta audit pengurusan;
- (g) Mengelak amalan mementingkan diri sendiri dan percanggahan kepentingan. Anggota Lembaga hendaklah melaksanakan peranan fidusiari yang mencerminkan kepercayaan tertinggi kepada CBP dalam urusan mereka dengan CBP ataupun dengan pihak-pihak lain. Anggota Lembaga dikehendaki membuat pendedahan kepentingan perniagaan mereka kepada Lembaga. CBP dilarang memberikan pembiayaan kepada Anggota Lembaga atau mana-mana individu/syarikat yang mempunyai kepentingan tersebut; dan

- (h) Mematuhi kehendak perundangan, perintah dan peraturan yang berkaitan. Anggota Lembaga hendaklah berpengetahuan di dalam hal-hal perundangan, peraturan, tafsiran perintah dan notis untuk memastikan kesemua kehendak berkenaan dipatuhi. Anggota Lembaga akan dipertanggungjawabkan sekiranya CBP menanggung kerugian akibat tindakan menyalahi undang-undang.

Latihan dan Pembangunan Kompetensi

Anggota Lembaga mengikuti perkembangan terkini di dalam industri perbankan dengan menghadiri persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), SKM, Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan lain-lain.

Di samping itu, Anggota Lembaga juga sentiasa dimaklumkan mengenai Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan SKM serta BNM yang baharu berkaitan industri perbankan dan sektor koperasi di negara ini.

Anggota Lembaga juga digalakkan menghadiri ceramah dan latihan untuk mengetahui perkembangan terbaharu yang berkaitan dengan persekitaran perniagaan perbankan. Dengan ini, Anggota Lembaga akan mendapat maklumat dan mengikuti perkembangan terkini industri perbankan dan sektor koperasi di negara ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA

Anggota Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau dua belas (12) kali setahun, manakala mesyuarat tambahan atau khas akan diadakan sekiranya perlu bagi membantu proses membuat keputusan penting yang memerlukan perbincangan dan pertimbangan sewajarnya. Bagi sesi 2022, Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak lapan belas (18) kali termasuk Mesyuarat Khas Anggota Lembaga untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu strategik lain yang mempengaruhi perniagaan.

Agenda untuk setiap Mesyuarat Anggota Lembaga, berserta laporan lengkap, kertas cadangan dan dokumen sokongan daripada Pengurusan perlu diedarkan kepada Anggota Lembaga sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh mesyuarat. Ini bertujuan memastikan Anggota Lembaga mempunyai masa yang mencukupi untuk mengkaji hal-hal yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga dan seterusnya membantu Pengurusan dalam membuat keputusan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Semua Anggota Lembaga diwajibkan untuk mengisytiharkan dengan serta merta kepada Mesyuarat Anggota Lembaga jika mereka mempunyai sebarang percanggahan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan yang dimeterai secara langsung atau tidak langsung dengan CBP. Mana-mana Anggota Lembaga yang berkepentingan tersebut dikehendaki mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan berhubung urusan tersebut bagi menjamin supaya beliau tidak mempengaruhi Anggota Lembaga lain berkaitan urusan tersebut.

Berikut adalah senarai Anggota Lembaga dan rekod kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga Penuh dan Mesyuarat Khas Anggota Lembaga bagi sesi 2022:

Anggota Lembaga		
Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Datuk Baharom bin Embi – Pengerusi	18/18
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar	17/18
3.	Haji Omar bin Haji Mat Som*	10/10
4.	Yunus bin Kasim	18/18
5.	Mohd. Shapie bin Idris	18/18
6.	Dr. Hajah Jamilah binti Din	18/18
7.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	18/18
8.	Johar bin Mokhtar	18/18
9.	Zaini bin Sa'ad	17/18
10.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya**	7/8

Nota: Tempoh kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

* *Haji Omar bin Haji Mat Som menamatkan tugas sebagai Anggota Lembaga pada 25 Jun 2022.*

** *Dr. Mohd Azlan bin Yahya dilantik sebagai Anggota Lembaga pada 25 Jun 2022.*

Kuorum Mesyuarat

Kuorum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu per dua (1/2) daripada jumlah Anggota Lembaga di mana sekurang-kurangnya satu per dua (1/2) daripada Anggota Lembaga yang dilulus oleh Suruhanjaya hendaklah dikira sebagai kuorum tersebut.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam satu bulan atau sekurang-kurangnya dua belas (12) kali setahun.

Fungsi dan Terma Rujukan Anggota Lembaga

Fungsi Anggota Lembaga adalah selaras dengan peranan yang telah dimandatkan ke atas koperasi sepertimana peruntukan GP11 SKM iaitu:

- (i) Menetapkan hala tuju, visi, misi, objektif dan strategi CBP.
- (ii) Melantik Kumpulan Pengurusan Kanan yang terdiri daripada Ketua-Ketua Pegawai, Setiausaha Eksekutif dan Ketua Audit Dalam CBP. Anggota Lembaga hendaklah memilih dan melantik Pengurusan Kanan dari kalangan individu yang layak dan kompeten untuk mengurus CBP dengan berkesan dan baik.
- (iii) Meneliti, membincang dan memutuskan perancangan strategik perniagaan CBP.
- (iv) Membentuk dan memastikan fungsi jawatankuasa-jawatankuasa kecil peringkat Anggota Lembaga dilaksanakan dengan penuh hemah dan berlandaskan tadbir urus terbaik.
- (v) Menetapkan dan meluluskan dasar, polisi dan peraturan aktiviti CBP.
- (vi) Melantik Juruaudit Luar yang bertauliah untuk melaksanakan pengauditan perakaunan dan lain-lain perkara selaras dengan keperluan statutori.
- (vii) Menubuhkan jabatan-jabatan yang bertindak dan melaporkan secara berkecuali seperti Jabatan Audit Dalam, Jabatan Pematuan dan Jabatan Pengurusan Risiko.
- (viii) Bertanggungjawab ke atas pematuan perundangan yang diperuntukan oleh pihak berwajib (seperti SKM dan BNM).
- (ix) Sentiasa memahami profil semasa risiko-risiko CBP dan berusaha untuk meminimalkan risiko berkenaan.
- (x) Menimbang, menyemak penyata kewangan CBP serta perkembangan aktiviti subsidiari CBP (jika ada).
- (xi) Melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sebagaimana peruntukan Perkara 48 Undang-Undang Kecil Koperasi CBP.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ANGGOTA LEMBAGA

Dalam melaksanakan tugas, Anggota Lembaga dibantu oleh beberapa Jawatankuasa yang ditubuhkan dan dipengerusikan oleh seorang Anggota Lembaga mengikut terma rujukan (TOR) yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus, Jawatankuasa Imbuhan, Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan, Jawatankuasa Pembangunan Produk, Jawatankuasa Kredit, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Jawatankuasa Syariah.

TOR setiap Jawatankuasa juga sentiasa disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan semua Jawatankuasa memenuhi matlamat dan objektif utama CBP. Setiap Jawatankuasa juga melaporkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga Penuh mengenai keputusan yang dibuat bagi memastikan semua Anggota Lembaga mengetahui setiap aspek perjalanan operasi CBP.

1. JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JKPR) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada minimum tiga (3) orang Anggota. Berikut adalah senarai Anggota JKPR dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Johar bin Mokhtar – Pengerusi*	7/7
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar**	4/4
3.	Haji Omar bin Haji Mat Som*	4/4
4.	Yunus bin Kasim***	3/3
5.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	7/7
6.	Dr. Hajah Jamilah binti Din***	3/3
7.	Datuk Baharom bin Embi	6/7

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat Anggota Lembaga dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

* *Haji Omar bin Haji Mat Som menamatkan tugas sebagai Anggota Lembaga pada 25 Jun 2022.*

** *Hajah Nor Hidayah binti Omar tidak lagi menjadi Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko bermula Ogos 2022.*

*** *Encik Yunus bin Kasim dan Dr. Hajah Jamilah binti Din telah dilantik menjadi Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko bermula Ogos 2022.*

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKPR adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKPR.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- (i) Meneliti, menilai dan seterusnya mengesyorkan Rangka Kerja serta dasar Pengurusan Risiko yang merangkumi risiko operasi, kredit, pasaran dan likuiditi/kecairan untuk kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga.
- (ii) Mengesyorkan tahap toleransi risiko dan risk appetite serta Pelan Kontigensi/Kesinambungan Perniagaan yang bersesuaian dengan sifat, skala dan tahap kerumitan aktiviti CBP.
- (iii) Memastikan aktiviti mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengurus pelbagai jenis risiko yang dihadapi CBP merangkumi risiko operasi, risiko kredit, risiko pasaran termasuk risiko kecairan dan reputasi dilaksanakan dengan berkesan.
- (iv) Melaksanakan fungsi pengawasan risiko dan pematuhan di peringkat pengurusan kanan, melalui pelaporan berkala.
- (v) Memastikan proses dan budaya pengurusan risiko serta pematuhan diamalkan disemua peringkat proses kerja oleh setiap kakitangan.
- (vi) Memberi khidmat nasihat serta pandangan berkaitan pendedahan risiko ke atas aktiviti/isu yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kredit (CRECO) dan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALCO).
- (vii) Memantau kedudukan pendedahan risiko operasi, kredit, pasaran dan kecairan semasa CBP serta pematuhan kepada:
 - Undang-Undang Kecil CBP;
 - Polisi dan Prosedur dalaman CBP;
 - Arahan dan Garis Panduan pengawal selia;
 - Akta Koperasi 1993 dan Akta-Akta yang berkaitan dengan aktiviti perbankan.
- (viii) Memberi pandangan serta mengesyorkan penggubalan/semakan semua rangka kerja, polisi dan garis panduan operasi CBP untuk kelulusan Anggota Lembaga dengan memastikan ianya selaras dengan amalan terbaik industri perbankan.

- (ix) JKPR mempunyai akses kepada semua maklumat yang dibincangkan di mesyuarat jawatankuasa lain bagi menjalankan semakan pengurusan risiko dan pematuhan di CBP.
- (x) Boleh mengarahkan semakan pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (xi) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga kepada Jawatankuasa ini.

2. JAWATANKUASA KEANGGOTAAN DAN HAL EHWAL KORPORAT

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat (JKHEK) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada minimum tiga (3) orang Anggota. Berikut adalah senarai Anggota JKHEK dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Dr. Hajah Jamilah binti Din – Pengerusi	8/8
2.	Yunus bin Kasim	8/8
3.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya*	3/4
4.	Mohd. Shapie bin Idris	8/8
5.	Hajah Nor Hidayah binti Omar	8/8
6.	Zaini bin Sa'ad**	4/4

Nota: Tempoh kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

* Dr Mohd Azlan bin Yahya dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat pada 1 Ogos 2022.

** Encik Zaini bin Sa'ad tidak lagi menjadi Anggota Jawatankuasa Keanggotaan dan Hal Ehwal Korporat bermula 1 Ogos 2022.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKHEK adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKHEK.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- (i) Menyokong cadangan tatacara pelaksanaan Mesyuarat Agung Kawasan dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan CBP.
- (ii) Menyemak dan meluluskan permohonan masuk (baharu), tambahan, pengeluaran sebahagian syer, berhenti atau pindahan saham keanggotaan sehingga RM500,000 (jumlah kumulatif maksimum untuk setiap anggota) dan dimaklumkan kepada Mesyuarat ALK untuk pengesahan.
- (iii) Menyemak dan menyokong sebarang jumlah melebihi RM500,000 untuk kelulusan Mesyuarat ALK.
- (iv) Mengesahkan dan meluluskan permohonan dan bayaran-bayaran berkaitan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota CBP sehingga RM1,500.
- (v) Menyemak, membincang dan menetapkan syarat-syarat serta mencadangkan pindaan kepada aturan aktiviti Kumpulan Wang Kebajikan Anggota dan lain-lain kumpulan wang yang melibatkan bidangkuasa jawatankuasa ini yang dicadangkan dari semasa ke semasa.
- (vi) Menyokong penganjuran program, aktiviti atau majlis bermanfaat untuk ALK, Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah dan anggota CBP dari semasa ke semasa.
- (vii) Menyokong cadangan bagi majlis sambutan yang melibatkan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota seperti penyampaian dermasiswa dan lain-lain majlis yang berkaitan dengan anggota CBP.
- (viii) Menyokong cadangan aktiviti-aktiviti yang melibatkan hal ehwal korporat CBP.
- (ix) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti keanggotaan dan hal ehwal korporat.
- (x) Boleh mengarahkan semakan audit sekiranya mesyuarat mendapati timbul maklumat, data atau kelulusan yang meragukan.
- (xi) Lain-lain kewajipan yang diserahkan oleh Anggota Lembaga kepada Jawatankuasa ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

3. JAWATANKUASA PENCALONAN DAN TADBIR URUS

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus (JKPT) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya minimum tiga (3) orang Anggota. Untuk mengelak berlakunya percanggahan kepentingan, Anggota Jawatankuasa tersebut hendaklah tidak mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan yang melibatkan dirinya. Berikut adalah senarai Anggota JKPT dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Datuk Baharom bin Embi – Pengerusi	7/7
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar	7/7
3.	Yunus bin Kasim**	4/4
4.	Zaini bin Sa'ad*	3/3
5.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	7/7
6.	Johar bin Mokhtar	6/7

Nota: Tempoh kehadiran Mesyuarat Anggota Lembaga dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

* Encik Zaini bin Sa'ad telah dilantik menjadi Anggota Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus bermula Ogos 2022.

** Encik Yunus bin Kasim tidak lagi menjadi Anggota Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus bermula 1 Ogos 2022.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKPT adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKPT.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- (i) Mengesyorkan penetapan keperluan minimum bagi Anggota Lembaga iaitu kombinasi kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras yang diperlukan oleh seseorang Anggota Lembaga.

- (ii) JKPT bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengesyorkan keperluan kelayakan minimum bagi:

- (a) Jawatankuasa Audit Dalam;
- (b) Jawatankuasa Syariah;
- (c) Pengurusan Kanan;
- (d) Ketua Jabatan Audit Dalam; dan
- (e) Setiausaha Eksekutif.

- (iii) Melaksanakan proses penentusahan dan mengesyorkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga cadangan semakan dan penentusahan Anggota Lembaga.

- (iv) Menilai secara tahunan dan memastikan Anggota Lembaga serta individu di atas memenuhi syarat kelayakan sepertimana yang ditetapkan di bawah:

- (a) Undang-Undang Kecil CBP;
- (b) Arahan Statutori SKM;
- (c) Garis Panduan SKM;
- (d) Akta Koperasi 1993; dan
- (e) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

- (v) Menilai dan mengesyorkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga calon untuk jawatan:

- (a) Jawatankuasa Audit Dalam;
- (b) Jawatankuasa Syariah;
- (c) Pengurusan Kanan;
- (d) Ketua Jabatan Audit Dalam (tertakluk saranan penilaian Jawatankuasa Audit Dalam); dan
- (e) Setiausaha Eksekutif.

- (vi) Menilai dan mengesyorkan penilaian individu-individu berikut:

- (a) Jawatankuasa Audit Dalam;
- (b) Jawatankuasa Syariah;
- (c) Pengurusan Kanan;
- (d) Ketua Jabatan Audit Dalam (tertakluk saranan penilaian Jawatankuasa Audit Dalam); dan
- (e) Setiausaha Eksekutif.

- (vii) Menjalankan penilaian prestasi tahunan berdasarkan kriteria yang ditetapkan selaras dengan objektif dan strategi perniagaan CBP. Kriteria penilaian ini hendaklah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Lembaga.

- (viii) Memantau dan mengesyorkan pelantikan dan pelantikan semula individu tersebut di atas.

- (ix) Meneliti, menilai dan mengesyorkan perancangan dan penggantian individu tersebut di atas.

- (x) Mengesyorkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga tentang penamatan individu tersebut sekiranya terdapat salah laku dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
- (xi) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pencalonan.
- (xii) Boleh mengarahkan semakan ke atas pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (xiii) Memantau status dan laporan kes-kes dan tindakan disiplin yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Disiplin di peringkat Pengurusan terhadap kakitangan CBP (Ketua Jabatan dan ke bawah) tanpa mengubah keputusan yang telah diputuskan (melainkan rayuan dibuat). Oleh yang demikian, Jawatankuasa Disiplin Pengurusan perlu membentangkan Laporan Kes-Kes Disiplin CBP kepada JKPT.
- (xiv) Mengesyorkan tindakan disiplin yang boleh diambil ke atas kesalahan disiplin yang dilakukan oleh Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah dan Pengurusan Kanan.
- (xv) Meneliti, menilai dan mengesyorkan penambahbaikan/ penggubalan ke atas polisi Jawatankuasa Disiplin Pengurusan CBP sedia ada.
- (xvi) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga terhadap Jawatankuasa ini dari semasa ke semasa.

4. JAWATANKUASA IMBUHAN

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Imbuhan (JKI) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada minimum tiga (3) Anggota tidak kurang tiga (3) ahli yang dipilih dari kalangan Anggota Lembaga. Anggota Jawatankuasa tersebut hendaklah tidak mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan yang melibatkan dirinya bagi mengelak berlakunya percanggahan kepentingan.

Berikut adalah senarai Anggota JKI dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Imbuhan

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Zaini bin Sa'ad – <i>Pengerusi (berkuatkuasa Ogos 2022)</i>	3/3
2.	Hajah Nor Hidayah binti Omar – <i>Pengerusi (Feb-Apr 2022)</i>	6/6
3.	Dr. Hajah Jamilah binti Din	3/3
4.	Dato' Shahrudin bin Mohd Sa'ad	6/6
5.	Datuk Baharom bin Embi	6/6
6.	Johar bin Mokhtar	5/5

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKI adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKI.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan Jawatankuasa

- (i) Mengesyorkan satu rangka kerja bagi imbuhan termasuk gaji, elaun, bonus dan manfaat untuk kumpulan atau individu berikut:
 - (a) Anggota Lembaga;
 - (b) Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (c) Jawatankuasa Syariah;
 - (d) Pengurusan Kanan;
 - (e) Ketua Pegawai Risiko;
 - (f) Ketua Jabatan Audit Dalam; dan
 - (g) Setiausaha Eksekutif.
- (ii) Menyemak dan mengesyorkan cadangan kerangka imbuhan termasuk gaji, elaun, bonus dan manfaat kakitangan CBP secara keseluruhan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (iii) Mengesyorkan sistem pengurusan prestasi yang baik dan selaras dengan amalan industri.
- (iv) Mengesyorkan dasar-dasar imbuhan dengan mengambil kira perkara berikut:
 - (a) Didokumenkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Lembaga dan sebarang perubahan hendaklah tertakluk kepada pengesahan Mesyuarat Anggota Lembaga;
 - (b) Menarik dan dapat mengekalkan kakitangan pada masa yang sama seimbang dengan keperluan, pengalaman dan tanggungjawab mereka;
 - (c) Dana CBP mencukupi untuk memberi pakej imbuhan;
 - (d) Tidak diputuskan hanya mengikut budi bicara mana-mana individu atau sekumpulan individu yang terhad; dan
 - (e) Berdaya saing dan setimpal dengan objektif serta strategi CBP.
- (v) Meneliti dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang dianggap perlu untuk skim, terma perkhidmatan dan terma baharu kakitangan CBP sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga.
- (vi) Memberikan pertimbangan sewajarnya kepada penilaian mengenai keberkesanan dan pencapaian Pengurusan Kanan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Jabatan Audit Dalaman (tertakluk kepada saranan Jawatankuasa Audit Dalaman) dan Setiausaha Eksekutif dalam menentukan ganjaran dan imbuhan.
- (vii) Menyemak dan mengesyorkan apa-apa cadangan pembangunan modal insan terutamanya dari segi latihan kepada Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Syariah, Pengurusan Kanan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalaman dan Setiausaha Eksekutif.
- (viii) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti- aktiviti pembangunan modal insan dan pembangunan dasar imbuhan CBP.
- (ix) Boleh mengarahkan semakan ke atas pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya terdapat perkara-perkara yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (x) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga terhadap Jawatankuasa ini dari semasa ke semasa.

5. JAWATANKUASA PELABURAN & OPERASI CAWANGAN

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Pelaburan & Operasi Cawangan (JKPOC) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada minimum tiga (3) Anggota dipilih dari kalangan ALK. Berikut adalah senarai Anggota JKPOC dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Dato' Shahrudin bin Sa'ad – <i>Pengerusi</i>	6/6
2.	Yunus bin Kasim	5/5
3.	Mohd Shapie bin Idris	6/6
4.	Dr. Hajah Jamilah binti Din	6/6
5.	Haji Omar bin Mat Som*	3/3
6.	Zaini bin Sa'ad	6/6
7.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya**	2/2

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

* Tuan Haji Omar bin Haji Mat Som menamatkan tugas sebagai Anggota Lembaga pada 25 Jun 2022.

** Dr. Mohd Azlan bin Yahya mula dilantik menjadi Anggota Jawatankuasa Pelaburan dan Operasi Cawangan bermula 25 Ogos 2022.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKPOC adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKPOC.

Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan

- (i) Menasihati Anggota Lembaga dalam menilai dan memberi sokongan terhadap cadangan aktiviti operasi perbankan, pelaburan dan kewangan yang berdaya maju untuk CBP.
- (ii) Bertanggungjawab dalam meneliti, merancang dan menilai aktiviti operasi perbankan, pelaburan dan kewangan agar sentiasa berada pada tahap risiko yang boleh diterima dan bersesuaian dengan kedudukan kewangan CBP.
- (iii) Meneliti portfolio prestasi pelaburan dan unit dana yang berkaitan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (iv) Memantau perkembangan prestasi operasi cawangan CBP.
- (v) Memantau dan menilai pengurusan pendanaan dan liabiliti CBP.
- (vi) Mengesyorkan dan memastikan garis panduan dan polisi pelaburan dalaman CBP sentiasa dipatuhi.
- (vii) Memastikan aktiviti-aktiviti pelaburan CBP sentiasa mematuhi:
 - (a) Seksyen 54 dan 54A(1) Akta Koperasi 1993;
 - (b) GP16: Garis panduan Pelaburan Wang Koperasi;
 - (c) GP24: Garis panduan Pelaburan Harta Tak Alih; dan
 - (d) Kod Tatalaku untuk Pasaran Kewangan Borong Malaysia.
- (viii) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pelaburan dan operasi.
- (ix) Boleh mengarahkan semakan pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya mesyuarat mendapati terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (x) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga kepada jawatankuasa ini.

6. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PRODUK

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Pembangunan Produk (JPP) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada minimum tiga (3) orang Anggota. Berikut adalah senarai Anggota JPP dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Pembangunan Produk

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Datuk Baharom Bin Embi – <i>Pengerusi</i>	9/9
2.	Haji Omar bin Mat Som*	5/5
3.	Yunus bin Kasim	9/9
4.	Mohd. Shapie bin Idris	8/9
5.	Dr. Hajah Jamilah binti Din	9/9
6.	Zaini bin Sa'ad**	5/5
7.	Puan Hajah Nor Hidayah binti Omar***	4/4
8.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya****	3/4

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

- * Tuan Haji Omar bin Mat Som menamatkan tugas sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Produk pada 25 Jun 2022.
- ** Encik Zaini bin Sa'ad menamatkan tugas selaku Ahli Jawatankuasa Pembangunan Produk pada Ogos 2022.
- *** Puan Hajah Nor Hidayah binti Omar dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Produk pada Ogos 2022.
- **** Dr Mohd Azlan bin Yahya dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Produk pada Ogos 2022.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JPP adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JPP.

Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa Pembangunan Produk hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan

- (i) Menimbang dan mencadangkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga apa-apa cadangan oleh Jawatankuasa Pengurusan CBP berkaitan produk atau perkhidmatan baharu yang akan dilaksanakan dan dipasarkan.
- (ii) Penilaian sesuatu cadangan pelaksanaan produk atau perkhidmatan baharu mestilah berdasarkan keperluan dan kehendak pasaran, ciri-ciri produk, daya saing dan jangkaan pasaran, penilaian risiko dan mitigasi mencakupi risiko pasaran, operasi, kredit, syariah dan lain-lain, sistem dan infrastruktur sedia ada dan yang diperlukan dan kaedah pelaksanaan dan pemasaran produk atau perkhidmatan yang bakal diperkenalkan.
- (iii) Memastikan pelaksanaan dan pembangunan produk atau perkhidmatan baharu adalah mengikut tahap piawaian perbankan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).
- (iv) Menggariskan jangkaan bagi sesuatu produk atau perkhidmatan baharu bagi memastikan ianya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Anggota Lembaga.
- (v) Memantau dan menilai prestasi sesuatu produk dan perkhidmatan selepas tempoh enam (6) bulan pelancaran dan menilai cadangan untuk penambahbaikan (sekiranya perlu).
- (vi) Menilai dan mencadangkan strategi alternatif untuk pemasaran produk atau perkhidmatan baharu yang baharu dilancarkan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (vii) Membincang dan mengesyorkan cadangan produk dan perkhidmatan baharu kepada Mesyuarat Anggota Lembaga.
- (viii) Mencadangkan kajian menyeluruh bagi produk dan perkhidmatan di dalam pasaran untuk dinilai dan diperincikan semula oleh Jawatankuasa Pengurusan Kanan.
- (ix) Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga untuk kelulusan.
- (x) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan produk dan kajian pasaran.
- (xi) Boleh mengarahkan semakan ke atas pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (xii) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga terhadap jawatankuasa ini.

7. JAWATANKUASA KREDIT

Keanggotaan dan Komposisi

Jawatankuasa Kredit (JKK) yang dilantik oleh Anggota Lembaga adalah terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga bukan eksekutif dan hendaklah terdiri daripada minimum tiga (3) orang Anggota. Berikut adalah senarai Anggota JKK dan rekod kehadiran sesi 2022:

Jawatankuasa Kredit

Bil	Nama	Kehadiran Mesyuarat
1.	Haji Omar bin Haji Mat Som* – Pengerusi	6/6
2.	Datuk Baharom bin Embi	10/10
3.	Hajah Nor Hidayah binti Omar**	9/10
4.	Mohd Shapie bin Idris	10/10
5.	Johar bin Mokhtar	9/10
6.	Zaini bin Sa'ad	9/10
7.	Dr. Mohd Azlan bin Yahya***	1/4

Nota: Tempoh kehadiran mesyuarat Anggota Lembaga dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

* Tuan Haji Omar bin Mat Som menamatkan tugas sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kredit bermula pada 25 Jun 2022.

** Setelah pindaan semula Jawatankuasa dibuat, Puan Hajah Nor Hidayah telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kredit.

*** Dr Azlan bin Yahya dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kredit bermula pada Ogos 2022.

Kuorum Mesyuarat

Kuorum mesyuarat JKK adalah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli termasuk Pengerusi JKK.

Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa Kredit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau apabila diperlukan.

Fungsi dan Terma Rujukan

- (i) Memantau dan menyemak pembiayaan yang diluluskan di Jawatankuasa Pembiayaan Pengurusan (CRECO).
- (ii) Meluluskan, menolak dan meminda terma kemudahan pembiayaan, berdasarkan had kuasa melulus CBP yang telah ditetapkan.
- (iii) Mengesyorkan dan menilai pembiayaan yang melebihi had kuasa kepada Mesyuarat Anggota Lembaga.
- (iv) Meluluskan pelantikan dan/atau penamatan pelantikan ahli Jawatankuasa Pembiayaan Pengurusan (CRECO).
- (v) Mengesahkan atau meluluskan lain-lain perkara yang ditetapkan dalam had kuasa melulus CBP.
- (vi) Mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pengurusan kredit CBP.
- (vii) Boleh mengarahkan semakan ke atas pengurusan atau mencadangkan siasatan audit sekiranya terdapat sebab-sebab yang memerlukan semakan atau siasatan dilaksanakan.
- (viii) Lain-lain kewajipan yang diarahkan oleh Anggota Lembaga terhadap Jawatankuasa ini.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Kepada anggota KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank) yang dihormati dan dikasihi. Dengan sukacitanya Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) ingin membentangkan Laporan JAD bagi tahun 2022.

PENGENALAN

Pada tahun 2022 Sesi 2022/2023, JAD telah mengadakan mesyuarat sebanyak 12 kali meliputi 35 agenda serta turut mengadakan beberapa perbincangan atau mesyuarat secara tidak formal melalui aplikasi WhatsApp. Kehadiran semua anggota JAD adalah seratus peratus (100%). JAD juga mengadakan mesyuarat dengan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) CBP sebanyak empat (4) kali. Di samping itu, JAD juga telah berbincang dengan Juruaudit Luar mengenai Memorandum perancangan Audit dan pengauditan Penyata Kewangan CBP Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022.

KAPASITI DAN KEBERKESANAN FUNGSI AUDIT DALAMAN (FAD)

Kebekkesanan FAD penting bagi memenuhi jangkaan pemegang taruh, terutamanya anggota-anggota CBP termasuk untuk menjadi penasihat yang diyakini dan dipercayai oleh ALK dan Pengurusan CBP.

CBP mempunyai FAD secara dalaman (*in-house*) yang baik untuk memberi perkhidmatan jaminan, perundingan, aktiviti tambah nilai dan membantu ALK dalam mengawasi agar pihak pengurusan melaksanakan tanggungjawab mengikut sistem tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang baik. JAD secara berterusan telah menyemak, menilai & meluluskan piagam, proses & metodologi audit, rancangan audit tahunan, memastikan kebebasan, kecukupan dan kompetensi kakitangan Jabatan Audit Dalaman. Di samping itu, JAD juga membantu meningkatkan keberkesanan, kecekapan operasi, menyemak dan memantau pematuhan kepada keperluan perundangan, polisi dan prosedur operasi dalaman CBP. Selain itu, JAD juga memantau perancangan, pelaksanaan dan penemuan utama audit serta memberikan cadangan kepada Jabatan Audit Dalaman untuk meningkatkan kualiti, keberkesanan dan kecekapan FAD. Secara amnya, kami berpendapat bahawa keseluruhan aktiviti pengauditan oleh FAD telah dilaksanakan dengan memuaskan dan mematuhi Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalaman (Standard), *Institute Of Internal Auditor* (IIA). Walaupun sedemikian, FAD disarankan agar mempertingkatkan keupayaannya serta kompetensi juruauditnya, khususnya berkaitan dengan teknik-teknik pengauditan, operasi, sistem terhadap perbankan yang sentiasa dinamik.

JAD telah menyemak dan memantau kerja-kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh FAD terhadap sistem, aktiviti, operasi dan proses perniagaan di cawangan, jabatan dan ibu pejabat CBP dalam tahun 2022. Semakan audit adalah merangkumi kepada lima perkara utama iaitu: (i) produk perbankan, Ar-Rahnu dan kepatuhan syariah; (ii) pengurusan kredit, deposit, kecairan dan pembiayaan pelanggan; (iii) pengurusan risiko dan kawalan dalaman; (iv) sistem perkomputeran dan teknologi maklumat; dan (v) pengauditan semakan khas dan pemalsuan.

Berikut adalah pemerhatian dan cadangan utama kami:

i. Produk Perbankan, Ar-Rahnu dan Kepatuhan Syariah

JAD sedar akan keperluan kepada pemantauan yang rapi terhadap aspek kelestarian kewangan, pematuhan syariah dan pencapaian prestasi CBP. Justeru itu, pemantauan dan mengikuti perkembangan produk-produk sedia ada dan baharu daripada aktiviti perbankan dan Ar-Rahnu adalah penting bagi mengenalpasti risiko dan peluang pertumbuhan serta keperluan untuk mengekalkan prestasi kewangan dalam jangka masa pendek dan panjang dapat dicapai dengan memastikan sasaran pertumbuhan pembiayaan, peningkatan prestasi Ar-Rahnu, tahap kecairan, paras modal dan pertumbuhan aset CBP. Oleh itu, FAD telah berusaha memastikan bahawa kakitangan audit dalaman memperoleh latihan berterusan yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan teknikal dan operasi perbankan yang semakin meningkat, kompleks, rumit dan mencabar. Ini sejajar dengan peningkatan aktiviti dan kepelbagaian tugas yang perlu dilaksanakan akibat daripada pengenalan produk dan proses baharu dalam CBP, di samping keperluan untuk memenuhi aspek syariah serta perkembangan lain dalam sektor kewangan melalui pembukaan beberapa cawangan baharu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

ii. Pengurusan Kredit, Deposit, Kecairan dan Pembiayaan Pelanggan

JAD memantau pengauditan yang dijalankan ke atas proses pembiayaan dan pertumbuhan pembiayaan pelanggan serta memberi tumpuan pada usaha melebarkan dasar deposit. Fokus juga diberikan terhadap pertumbuhan perniagaan menerusi usaha berterusan dalam memperbaiki perkhidmatan pelanggan yang cemerlang dan peningkatan produktiviti pembiayaan, disokong pengurusan risiko yang proaktif, interaktif, dan tangkas serta pengurusan kredit dan aset yang berkualiti. Mengenal pasti dan memantau bagaimana CBP menguruskan risiko kecairan, nisbah kecukupan modal dan melihat bagaimana deposit (wadi'ah, deposit-i berjangka Tawarruq, komoditi murabahah, bai' inah dan pelaburan) memenuhi dan mematuhi peraturan serta kehendak BNM, SKM, AMLATFPUAA dan Syariah. JAD juga memberi fokus terhadap aktiviti pengauditan dan semakan pembiayaan yang dilakukan oleh cawangan CBP dan Jabatan Kredit untuk memastikan kawal selia yang baik dan pematuan terhadap keperluan polisi dan prosedur di CBP termasuk kualiti pelanggan, semakan keputusan, ketulenan dokumen pelanggan, cagaran dan jaminan yang sepadan untuk mengelak atau memastikan risiko pembiayaan diminimalkan.

iii. Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pada setiap suku tahun, kajian semula amalan pengurusan risiko dilakukan oleh pengurus Jabatan Pengurusan Risiko meliputi semua aspek risiko dan peluang, terutamanya risiko kredit, pasaran dan kecairan. Tumpuan dan perhatian diberikan kepada faktor risiko yang timbul daripada perubahan dalam persekitaran operasi CBP dan bagaimana CBP menguruskan risiko tersebut untuk mengelak kesan ketara ke atas operasi CBP. Kajian semula keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman dijalankan dengan mempertimbangkan keputusan audit dan penemuan audit penting yang dibentangkan oleh juruaudit dalaman dan memantau hasil tindakan susulan dan pembedaan yang telah diambil. Justeru itu, JAD memberi perhatian yang teliti terhadap pelaksanaan Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) di CBP selaras dengan Piawaian Antarabangsa ISO 31000-Pengurusan Risiko.

Secara keseluruhannya amalan pengurusan risiko di CBP adalah baik. Namun JAD menggesa agar usaha secara berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman meliputi aspek pengawasan, selera, budaya, strategi, polisi dan kerangka risiko. Selain itu, JAD sedang merangka program latihan untuk Juruaudit Dalaman (dan terbuka kepada kakitangan CBP yang berminat) bertujuan membantu dalam proses pelaksanaan ERM dan pengauditan berasaskan risiko bagi memberi jaminan dan memastikan keberkesanan terhadap proses pengurusan risiko di CBP.

iv. Sistem Perkomputeran dan Teknologi Maklumat (IT)

JAD secara berterusan menyemak, menilai dan memantau keberkesanan sistem perkomputeran, perkakasan komputer, sistem pengendalian dan aplikasi serta rangkaian teknologi maklumat (IT) CBP serta mengenalpasti akan tahap penggunaan IT, perisian dan aplikasi pengauditan oleh FAD. Bagi mendepani cabaran perubahan teknologi yang sangat pantas, sehingga sering mencabar walaupun bagi mereka yang paling celik teknologi (*IT-savvy*) untuk mengikuti skop dan kadar perkembangan berkaitan data besar, media sosial, digitalisasi, sistem perbankan mobil dan atas talian, pelaksanaan IT, risiko siber dan lain-lain hal berkenaan teknologi. Perkembangan ini membawa satu gabungan risiko yang kompleks dan serius yang boleh menjejaskan maklumat sensitif, membawa gangguan dan mengendalakan operasi dan dengan ketara berupaya mengganggu proses perniagaan dan keberkesanan sistem IT di CBP. Oleh yang demikian, JAD sentiasa mengawasi risiko ini dan berusaha meningkatkan keupayaan juruaudit dalam aspek IT, digitalisasi dan penggunaan aplikasi audit (seperti *Audit Command Language* [ACL]) bagi memastikan keberkesanan, kecekapan, peningkatan produktiviti, ketepatan, integriti, kesesuaian dan integrasi sistem terbabit dalam memenuhi objektif serta keperluan operasi di CBP.

v. Pengauditan Cawangan, Semakan Khas dan Pemalsuan

JAD telah meminta pengauditan cawangan, semakan khas dan pemalsuan dilaksanakan oleh FAD terhadap sebarang aktiviti atau perkara yang mana terma rujukannya pada setiap tahun telah dimasukkan dalam perancangan audit berdasarkan senarai keutamaan penilaian risiko. Pengauditan/siasatan/semakan khas ini adalah berdasarkan arahan, permintaan atau atas aduan yang diterima daripada ALK dan pengurusan kanan CBP. Pada tahun 2022, sejumlah 28 pengauditan cawangan dan 6 semakan khas dan pemalsuan telah dijalankan oleh FAD di CBP. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada ALK serta pihak-pihak yang berkenaan untuk diambil tindakan yang perlu dilaksanakan dalam mencegah dan mengekang sebarang aktiviti penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan, penipuan, penyelewengan dan rasuah. Justeru itu, JAD secara berterusan memberi perhatian untuk meningkatkan serta membudayakan integriti, akauntabiliti, kebebasan, ketulusan, keadilan, kebertanggungjawaban, etika yang baik, aktiviti "*whistleblower*" dan pematuan terhadap semua keperluan perundangan, piawaian, etika profesional dan peraturan CBP. Tindakan yang sewajarnya perlu diambil terhadap penyalahgunaan kuasa dan pelaku *fraud* pada kadar segera dan dalam jangka masa yang munasabah bagi mencapai tadbir urus yang baik dan berkesan.

KESIMPULAN

JAD telah menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya di CBP seperti yang dikehendaki oleh Piagamnya. JAD mengiktiraf kerja FAD dalam menjalankan fungsi jaminan dan perundingan semasa tempoh pelaporan. JAD menggalakkan FAD untuk terus melaksanakan tadbir urus, mempertingkatkan kapasiti dan keberkesanan pengurusan dan keperluan proses pengauditan selaras dengan kehendak Piawaian Antarabangsa untuk Amalan Profesional Pengauditan Dalaman dan Kod Etika. Laporan audit yang dikemukakan oleh FAD menekankan kawasan berisiko tinggi yang perlu ditangani. Oleh itu, pihak pengurusan CBP harus memberi perhatian yang serius untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan tepat pada masanya.

JAD memuji tindakan Pengurusan Kanan berhubung dengan langkah-langkah yang diambil ke arah memperkasakan dan melaksanakan sistem pengurusan risiko yang bersepadu, serta meneruskan misinya ke arah memastikannya budaya risiko baik dan berkesan diamalkan di CBP dan semua pekerja sedar akan tanggungjawab mereka dalam hal ini. JAD akan terus memberi penekanan tentang keperluan memperkasakan dan meningkatkan keupayaan FAD termasuk JAD sendiri akan terus mengendalikan latihan (termasuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengauditan secara dalaman) kepada Juruaudit CBP supaya kepakaran melaksanakan pengauditan dapat dipertingkatkan. JAD beriltizam untuk menyumbang dan membantu Pengurusan CBP dalam meningkatkan prestasi dan kecemerlangan operasi perbankan Islam serta Ar-Rahnu, dan akhirnya mencapai visinya sebagai sebuah Co-opbank berasaskan syariah yang terunggul di Malaysia.



(Dato' Mustafa Bin Hj Saman)

Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman



(Nik Muhamad Fauzi Bin Nik Sulaiman)

Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman



(Dr Zaharuddin Bin Zainal Abidin)

Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

**KEPADA PENERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank), yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 bagi Kumpulan dan Co-opbank dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain Dan Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting yang dibentangkan di muka surat 86 hingga 150.

Pada pendapat kami, penyata kewangan berkenaan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), keperluan dalam Akta Koperasi, 1993, di Malaysia, garis panduan dan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab-tanggungjawab kami di bawah piawaian berkenaan telah diuraikan dengan lebih lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas dari Kumpulan dan Co-opbank mengikut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia, (Undang-Undang Kecil), dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional daripada Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan, (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Atasnya Juruaudit

Anggota Lembaga Co-opbank bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Anggota Lembaga Co-opbank tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Co-opbank tidak merangkumi Laporan Anggota Lembaga Co-opbank dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan penyata audit kewangan Kumpulan dan Co-opbank, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Anggota Lembaga Co-opbank dan, dengan berbuat demikian, pertimbangkan sama ada Laporan Anggota Lembaga Co-opbank tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank atau pengetahuan yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata dengan material.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami simpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Anggota Lembaga Co-opbank, kami dikehendaki melaporkan fakta berkenaan. Dalam hal ini, tiada apa-apa untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Co-opbank bagi Penyata Kewangan

Para Anggota Lembaga Co-opbank bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRSs dan keperluan dalam Akta Koperasi 1993, di Malaysia. Para Anggota Lembaga Co-opbank juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang para Anggota Lembaga Co-opbank tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**KEPADA PENERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, para Anggota Lembaga Co-opbank bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Co-opbank untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan melainkan jika para Anggota Lembaga Co-opbank sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Co-opbank atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, mereka boleh dengan dijangkakan dengan munasabahnya akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merekabentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, disebabkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, perwakilan yang tidak benar, atau tindakan melebihi kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Co-opbank.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Anggota Lembaga Co-opbank.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keupayaan Kumpulan dan Co-opbank untuk meneruskan secara usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk membawa perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, maka kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Kumpulan dan Co-opbank untuk menghentikan terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau dalam aktiviti perniagaan Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab bagi pendapat audit kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA PENERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN ANGGOTA-ANGGOTA
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Kami berkomunikasi dengan para Anggota Lembaga Co-opbank antara lain, mengenai skop yang dirancang dan masa yang diberikan untuk audit dan penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan pengawasan Lain.

Selaras dengan keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut;

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Kumpulan dan Co-opbank telah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi yang dilihat semasa audit dalam tahun ini adalah selaras dengan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 di Malaysia, dan peraturan dan undang-undang kecil.
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dalam semua aspek material, dinyatakan dengan saksama mengikut dasar perakaunan.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan semata-mata kepada Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia anggota-anggota Koperasi, selaras dengan Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 dan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.



AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT

(No. 201506002872)
(LLP0006652-LCA) (AF 1522)
Akauntan-Akauntan Bertauliah/Chartered Accountants



SALIHIN BIN ABANG

SKM(B)0315
Akauntan Bertauliah/Chartered Accountant

Selangor Darul Ehsan
Tarikh: 27 Februari 2023

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA CO-OPBANK

Anggota Lembaga KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank) dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Co-opbank adalah sebagai koperasi yang menjalankan aktiviti Perbankan Islam berlandaskan prinsip-prinsip syariah melalui pengambilan deposit Islam, pemberian pembiayaan dan perkhidmatan kewangan yang dibenarkan.

Kegiatan-kegiatan utama bagi subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 15.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan utama Co-opbank dan anak syarikat pada tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN

Keputusan operasi Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir adalah:

	KUMPULAN RM'000	CO-OP BANK RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	103,477	103,430
Cukai	(251)	(247)
Zakat	(3,098)	(3,098)
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat	100,128	100,085
Pembahagian berkanun	(15,515)	(15,515)
Dividen	(60,913)	(60,913)
Lain-lain pembahagian	(8,846)	(8,846)
Pelarasan bukan operasi	410	410
Keuntungan bersih bagi tahun berakhir	15,264	15,221

DIVIDEN

Bagi tahun kewangan semasa, anggota lembaga telah mencadangkan dividen selepas taksiran zakat sebanyak 6.30% bagi modal syer anggota dan 6.88% bagi syer keutamaan telah diiktiraf sebagai liabiliti di dalam penyata kewangan Co-opbank berjumlah RM43.70 juta (2021: RM41.76 juta) bagi modal syer anggota dan RM17.22 juta (2021: RM17.19 juta) bagi syer keutamaan. Pembayaran dividen hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan pihak berwajib.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA CO-OPBANK**MAKLUMAT BERKANUN**

Anggota Lembaga Co-opbank berpendapat penyata kewangan yang telah disediakan di muka surat 86 hingga 150 telah disusun untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan hal ehwal Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2022 dan hasil operasi serta aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut. Anggota Lembaga Co-opbank berpuas hati bahawa sebelum Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain Dan Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Co-opbank dibuat, langkah-langkah sewajarnya telah diambil ke atas perkara-perkara berikut:

- i. Semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu; dan
- ii. Nilai buku bagi aset semasa yang berkemungkinan tidak menunjukkan nilai sebenar berdasarkan urus niaga biasa, telah dibuat pengurangan nilai yang dijangkakan wajar.

Sepanjang pengetahuan Anggota Lembaga Co-opbank, tidak wujud pada tarikh laporan ini sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- i. Jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau peruntukan bagi hutang ragu tidak mencukupi dengan ketaranya;
- ii. Nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang mengelirukan;
- iii. Mana-mana jumlah yang dicatatkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank yang mengelirukan; dan
- iv. Cara yang wujud untuk menilai aset atau liabiliti Kumpulan dan Co-opbank yang mengelirukan dan tidak sesuai.

Tidak ada liabiliti luar jangka atau komitmen modal yang perlu ditanggung oleh Kumpulan dan Co-opbank yang belum diselesaikan kecuali seperti yang dinyatakan di Nota 27 kepada penyata kewangan ini. Anggota Lembaga Co-opbank berpendapat bahawa dalam tempoh dua belas bulan yang akan datang, Kumpulan dan Co-opbank berupaya memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya terhadap komitmen modal yang telah atau berkemungkinan dikuatkuasakan ke atas mereka.


Pada tarikh laporan, tidak wujud:

- i. Sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Co-opbank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- ii. Sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Co-opbank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tidak ada sebarang pemindahan yang ketara, dari rizab atau peruntukan atau sebaliknya, pada sepanjang tahun kewangan kecuali yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Anggota Lembaga Co-opbank, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa tiada perkara-perkara lain dalam pengetahuan mereka yang tidak dinyatakan menurut Seksyen 59(3), Akta Koperasi, 1993.


Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga Co-opbank mengikut resolusi para Anggota Lembaga Co-opbank.



Datuk Baharom Bin Embi
Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 27 Februari 2023



Hajah Nor Hidayah Binti Omar
Timbalan pengerusi

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

Saya, Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD (Co-opbank) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain Dan Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai beserta nota-nota di dalamnya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran sebenar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2022 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan telah dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip Syariah.




Khairil Anuar Bin Mohammad Anuar
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur

Tarikh: 27 Februari 2023

KENYATAAN Pengerusi DAN TIMBALAN Pengerusi


Kami, Datuk Baharom Bin Embi, Pengerusi, dan Hajah Norhidayah Binti Omar, Timbalan Pengerusi, menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain Dan Pembahagian Keuntungan, Penyata Perubahan Dalam Dana Pemegang Syer dan Penyata Aliran Tunai yang disediakan dalam penyata kewangan ini beserta nota-nota di dalamnya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran sebenar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Co-opbank pada 31 Disember 2022 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Kumpulan dan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan telah dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip Syariah.



Datuk Baharom Bin Embi
Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 27 Februari 2023



Hajah Norhidayah Binti Omar
Timbalan pengerusi

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH



Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah (JKS) Co-opbank Pertama (Co-opbank), berdasarkan kepada pengetahuan dan kepakaran JKS dalam bidang kewangan Islam dan prinsip-prinsip Syariah, merujuk kepada pendedahan-pendedahan yang dikemukakan kepada JKS, dengan ini JKS secara sepakat dan sebulat suara telah bersetuju mengesahkan daripada aspek pematuhan Syariah ke atas semua produk, aktiviti, urusan, perniagaan, aset kewangan, liabiliti, pendapatan operasi, pendapatan lain-lain serta operasi perbankan Co-opbank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

JKS telah mengesahkan produk-produk kewangan Islam, aplikasi kontrak-kontrak Syariah yang diperkenalkan oleh Co-opbank bagi tempoh berakhir yang dinyatakan, termasuk piawaian dokumen-dokumen yang terbabit serta sampel transaksi yang relevan yang mana telah didedahkan kepada JKS dan akan terus-menerus menyemak semula produk-produk tersebut dari semasa ke semasa.

JKS juga telah meneliti kajian-kajian penyelidikan oleh fungsi-fungsi Syariah dalaman untuk membuat pengesahan sama ada Co-opbank telah mematuhi prinsip Syariah, keputusan dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh pengawal selia, mana-mana badan berkuasa tertinggi Majlis Penasihat Syariah di Peringkat Kebangsaan serta resolusi-resolusi Syariah yang telah ditetapkan oleh JKS yang mana mengikat Co-opbank untuk melaksanakannya dari semasa ke semasa.

Berdasarkan kepada GP-28 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Polisi Tadbir Urus Syariah Co-opbank, adalah menjadi tanggungjawab pengurusan Co-opbank untuk memastikan bahawa Co-opbank telah menjalankan perniagaan mengikut prinsip Syariah. JKS dengan ini mengesahkan telah menerima perakuan daripada mereka dan telah berpuas hati bahawa apa-apa resolusi dan ketetapan Syariah yang telah diputuskan sepanjang tempoh kewangan yang dinyatakan telah dan sedang dilaksanakan oleh pengurusan Co-opbank dalam skop dan bidang kuasa yang dipertanggungjawabkan dengan penuh amanah.

JKS juga telah dilaporkan tentang pelaksanaan Tadbir Urus Korporat dalam kelestarian proses pemerkasaan fungsi Syariah dalaman melalui perjalanan fungsi oleh Sekretariat Syariah, Penasihat Syariah, Pematuhan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab JKS pula, untuk mengemukakan pengesahan dan suatu pandangan yang bebas, berdasarkan pemerhatian dan penelitian JKS ke atas Tadbir Urus Syariah dan operasi Co-opbank serta mengesahkan laporan berdasarkan pendedahan maklumat yang dibuat kepada JKS.

JKS juga telah diperakukan tentang penilaian bebas yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman termasuk fungsi audit dalam dan Juruadit Luar bagi memenuhi objektif jaminan yang mutlak (*"absolute Shariah assurance"*) yang mana memeriksa atas dasar ujian, transaksi, dokumen yang berkaitan dan prosedur yang digunakan oleh Co-opbank secara sampel dan rawak, termasuk kesimpulan dapatan audit, serta potensi risiko ketidakpatuhan Syariah sebagai sub-set risiko operasi, apa-apa proses pembetulan serta penambahbaikan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berterusan.

JKS juga telah meneliti dan mengesahkan perancangan serta laporan penemuan semakan Syariah oleh fungsi-fungsi Syariah dalaman, pematuhan Syariah, penasihat Syariah, pengurusan risiko Syariah serta Jabatan-Jabatan terbabit dengan pembangunan produk, operasi dan perniagaan; untuk memperoleh segala maklumat dan penjelasan yang dianggap perlu bagi membolehkan JKS menilai serta memperoleh bukti-bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah (*"reasonable assurance"*) bahawa Co-opbank tidak melanggar atau mengabaikan prinsip-prinsip Syariah. Diperakukan bahawa proses penilaian Syariah telah mendapati beberapa dapatan isu Syariah yang memerlukan proses pembetulan dilaksanakan dalam pelan tindakan yang telah dipersetujui.

Berdasarkan penilaian, pengetahuan dan kepakaran JKS, melalui pendedahan maklumat rasmi kepada JKS, setelah diteliti, disemak melalui proses penilaian Syariah, dilapor dan diperakui oleh fungsi-fungsi dalaman dan juruadit luar, kemudian disahkan oleh JKS, sama ada telah muktamad / sedang dalam penambahbaikan dan pembetulan secara berterusan berdasarkan kepada panduan Syariah dan nasihat-nasihat oleh JKS; dengan ini JKS secara sepakat dan sebulat suara bersetuju mengesahkan dengan pandangan JKS yang bebas bagi tahun kewangan berakhir yang dinyatakan bahawa:-

1. Daripada aspek sumber modal dan pendanaan melalui penerbitan saham, saham keutamaan iRCPS, pengambilan deposit melalui produk deposit Akaun Simpanan-i *Salam* dan Akaun Simpanan-i *Qard*, Deposit-i Berjangka *Tawarruq*, serta urusan perniagaan melalui instrumen perbendaharaan *Murabahah* Komoditi, semua instrumen kewangan dan produk-produk deposit telah didapati memuaskan untuk disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

2. Daripada aspek aktiviti pengambilan deposit runcit daripada anggota-anggota Co-opbank dan orang awam melalui Akaun Simpanan-i *Salam*, Akaun Simpanan-i *Qard*, kepada Akaun Simpanan-i *Salam*, Deposit-i Berjangka *Hijrah*, Deposit-i Berjangka *Tawarruq* telah didapati memuaskan untuk disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Walaupun terdapat beberapa penemuan telah dilaporkan berbangkit isu-isu Syariah, dalam amalan pengambilan deposit berpunca daripada risiko sistem dan risiko operasi, proses penambahbaikan dalam sistem perbankan sebahagiannya telah dilaksanakan dan sebahagiannya dalam pelan tindakan yang telah dipersetujui. Oleh itu, adalah wajar disahkan bahawa pulangan deposit yang dibayar oleh Co-opbank daripada produk-produk ini telah / sedang adaptasi solusi Syariah yang menjadikan pulangan daripada produk-produk ini (jika ada) adalah patuh Syariah.
3. Daripada aspek aktiviti pembiayaan Islam, kontrak-kontrak, urusniaga-urusniaga, transaksi-transaksi dan program pembiayaan Islam dilakukan oleh Co-opbank bagi urusniaga runcit, komersial, koperasi dan korporat, melalui mekanisme penilaian Syariah yang ditetapkan oleh Polisi Tadbir Urus Syariah telah diperakukan kepada JKS dan telah didapati memuaskan untuk disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Walaupun terdapat beberapa penemuan dilaporkan berbangkit isu-isu Syariah dalam amalan pembiayaan Islam berpunca daripada risiko operasi, mekanisme mitigasi-mitigasi Syariah telah dikenalpasti dan dibuat pelan tindakan yang telah dipersetujui untuk penambahbaikan berterusan. Oleh itu, adalah wajar disahkan bahawa pendapatan dan keuntungan yang diterima oleh Co-opbank daripada produk-produk ini telah / sedang adaptasi solusi Syariah yang menjadikan keuntungan bersih daripada produk-produk ini (jika ada) adalah patuh Syariah.
4. Daripada aspek pengambilan deposit korporat, urusniaga perbendaharaan, dan penempatan semula wang antara Institusi Kewangan Islam dan pelaburan Islam yang dibuat oleh Co-opbank di pasaran wang Islam dan pasaran modal Islam, urusniaga instrumen kewangan seperti Deposit Berjangka, Instrumen *Sukuk* serta Sekuriti, melalui mekanisme penilaian Syariah yang ditetapkan oleh Polisi Tadbir Urus Syariah telah diperakukan kepada JKS dan telah didapati memuaskan untuk disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Co-opbank juga mengambil langkah proaktif dengan menjana apa-apa keuntungan atas modal daripada urusniaga sekuriti yang dianggap hutang kewangan *al-Dayn* di pasaran sekunder melalui konsep dan mekanisme Syariah yang patuh Syariah.
5. Daripada aspek aktiviti pembiayaan *Ar-Rahnu*, pelaksanaan pembiayaan *Ar-Rahnu* 2.0 berlandaskan konsep *Tawarruq* dan *Ar-Rahn* telah mencapai tahun ke-2 selepas dilancarkan pada 1 Januari 2021 mematuhi penguatkuasaan arahan oleh SKM. Melalui mekanisme penilaian Syariah yang ditetapkan oleh Polisi Tadbir Urus Syariah telah diperakukan kepada JKS dan telah didapati perniagaan *Ar-Rahnu* adalah memuaskan untuk disahkan mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Walaupun demikian, JKS telah didedahkan dengan penemuan isu akaun-akaun gadaian legasi *Ar-Rahnu* 1.0 yang matang dan tertunggak atas kegagalan penggadai menebus gadaian. Isu Syariah berbangkit atas caj melebihi tempoh matang gadaian menyebabkan sebahagian hasil lelongan hanya diiktiraf pada jumlah prinsipal dan dinyahiktiraf pada apa-apa amaun pendapatan yang terakru dalam tahun kewangan ini. JKS telah diberi jaminan bahawa langkah-langkah mitigasi dan pembetulan telah / sedang berlangsung sewajarnya. Oleh itu, adalah wajar disahkan bahawa pendapatan dan keuntungan yang diterima oleh Co-opbank daripada produk ini telah / sedang adaptasi solusi Syariah yang menjadikan keuntungan bersih daripada produk-produk ini (jika ada) adalah patuh Syariah.
6. Daripada aspek pendapatan berasaskan *fi* dan pendapatan lain-lain, peruntukan keuntungan berkaitan akaun kewangan daripada pendapatan berasaskan *fi* daripada aktiviti pemasaran Takaful, produk Wasiat, caj *ta'widh* (ganti rugi), *fi wakalah*, *fi* penstrukturan pembiayaan dan lain-lain keuntungan yang diserap telah diperakukan kepada JKS dan telah didapati memuaskan dan mematuhi kesemua asas dan dasar berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Oleh itu, adalah wajar disahkan bahawa pendapatan dan keuntungan yang diterima oleh Co-opbank daripada produk ini telah / sedang adaptasi solusi Syariah yang menjadikan keuntungan bersih daripada produk-produk ini (jika ada) adalah patuh Syariah.
7. Daripada aspek implikasi kewangan daripada pendapatan yang tidak berhak diiktiraf, JKS telah diperakukan dan bersetuju mengesahkan bahawa dengan semua kaedah dan solusi Syariah dan mekanisme pembetulan yang telah dan sedang diadaptasi, masih ada pendapatan Co-opbank yang telah dikenalpasti tidak berhak diiktiraf pada tahun kewangan yang dinyatakan tetapi telah dibuat inisiatif pembetulan antaranya penyahiktirafan daripada pendapatan Co-opbank dan direkodkan sebagai liabiliti. Justeru rekod apa-apa dana ini bagi tahun kewangan yang dinyatakan telah disemak dan dibuat caj yang berpatutan dan tepat pada liabiliti buku kewangan Co-opbank. Melalui proses pembetulan Syariah yang disahkan, sukacita dimaklumkan bahawa belum ada dana tidak patuh Syariah atau *syubhah* yang terealisasi untuk dibuat penyaluran kepada pihak Baitulmal pada tahun kewangan ini.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

8. Sebagaimana mandat yang diberikan kepada Co-opbank dalam peruntukan Undang-undang Kecil (UUK), pengiraan penaksiran zakat perniagaan haul 2022 adalah selaras dengan kewajipan berzakat, rukun-rukun dan syarat-syarat wajib zakat, mengikut pengiraan zakat perniagaan dengan formula “*urfyyah*” - modal berkembang dipelaraskan (penaksiran pada nisbah ekuiti pemegang syer Muslim sahaja) tertakluk kepada Polisi Penaksiran Zakat Perniagaan. Oleh itu, pulangan dividen yang dinikmati oleh anggota yang merupakan pemegang syer adalah dikecualikan daripada zakat dividen. Bagi tahun kewangan berakhir yang dinyatakan, pusat utama pembayaran zakat oleh Co-opbank adalah Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang.
9. Juga telah diperakukan kepada JKS, pembayaran zakat *haul* terdahulu yang wajib dilakukan dalam tahun kewangan dinyatakan telah semuanya selesai dilaksanakan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Pungutan Zakat, Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Co-opbank juga ada menerima amanah sebagai pengagih *wakalah* zakat dana baitulmal daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang dengan jumlah terkumpul RM367,168.07. Semua dana *wakalah* zakat telah diagihkan dalam *haul* yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam berkenaan kepada asnaf yang layak sepertimana garis panduan *wakalah* zakat yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam berkenaan.

Kami, bagi pihak Jawatankuasa Syariah, dengan ini bersetuju mengesahkan pelaporan Syariah di atas.

Disahkan bersama oleh,



**PROF. MADYA DR. HJ. MOHAMED
FAIROOZ BIN ABDUL KHIR**
Pengerusi Jawatankuasa Syariah



**PROF. MADYA DR. HAJJAH
YASMIN HANANI BINTI MOHD SAFIAN**
Ahli Jawatankuasa Syariah



**PROF. DR. HAJI ABDUL RAHIM
BIN ABDUL RAHMAN**
Ahli Jawatankuasa Syariah



**USTAZ HAJI LOKMANULHAKIM
BIN HUSSAIN**
Ahli Jawatankuasa Syariah



ASSOC. PROF. DR MARHANUM BINTI CHE MOHD SALLEH
Ahli Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur
Tarikh: 24 Februari 2023



PENYATA KEWANGAN

- 86 Penyata Kedudukan Kewangan
- 88 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan
Komprehensif Lain dan Pembahagian
Keuntungan
- 90 Penyata Perububahan Dalam Dana
Pemegang Syed
- 92 Penyata Aliran Tunai
- 94 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	KUMPULAN	
		2022 RM'000	2021 RM'000
ASET			
Tunai dan Dana Jangka Pendek	4	256,350	183,900
Deposit dan Penempatan di Institusi Kewangan	5	1,091,806	790,308
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama			
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	6	618,192	471,731
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	7	487,292	340,262
Pembiayaan dan Pendahuluan	8	5,048,191	4,133,334
Aset-aset lain	9	123,600	91,637
Inventori	10	-	1,146
Hak Penggunaan Aset	11	5,288	2,163
Tanah Untuk Pembangunan	12	822	458
Hartanah, Loji dan Peralatan	14	103,224	50,881
Jumlah Aset		7,734,765	6,065,820
LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER			
Deposit dan Simpanan Pelanggan	15	6,267,929	4,926,378
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah			
Instrumen Murabahah Komoditi Bercagar	16	179,533	-
Liabiliti-liabiliti lain	17	69,983	52,525
Honorarium Dicapai	18	600	500
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	19	58,000	-
Pemiutang Sewa Beli	20	-	32
Geran	21	300	300
Dividen Dicapai	22	60,913	58,943
Jumlah Liabiliti		6,637,258	5,038,678
Modal Syer Anggota			
Syer Keutamaan	23	735,189	680,451
Rizab Berkanun	24	250,244	252,002
Rizab-rizab Lain	25	96,406	83,994
Keuntungan Tertahan	26	(11,810)	(1,598)
		27,478	12,293
Jumlah Dana Pemegang Syer		1,097,507	1,027,142
Jumlah Liabiliti dan Dana Pemegang Syer		7,734,765	6,065,820
Komitmen Modal			
	27	177,370	149,463

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	CO-OPBANK	
		2022 RM'000	2021 RM'000
ASET			
Tunai dan Dana Jangka Pendek	4	255,989	183,529
Deposit dan Penempatan di Institusi Kewangan	5	1,091,806	790,308
Pelaburan Kewangan Pada Nilai Saksama			
Melalui Pendapatan Komprehensif Lain	6	618,192	471,731
Pelaburan Kewangan Pada Kos Terlunas	7	487,292	340,262
Pembiayaan dan Pendahuluan	8	5,048,191	4,133,334
Aset-aset lain	9	123,592	91,591
Inventori	10	-	1,146
Hak Penggunaan Aset	11	5,288	2,163
Tanah Untuk Pembangunan	12	822	458
Hartanah, Loji dan Peralatan	14	103,224	50,881
Jumlah Aset		7,734,396	6,065,403
LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER			
Deposit dan Simpanan Pelanggan	15	6,267,929	4,926,378
Kewajipan Atas Urusniaga Sekuriti di Bawah			
Instrumen Murabahah Komoditi Bercagar	16	179,533	-
Liabiliti-liabiliti lain	17	69,936	52,387
Honorarium Dicadangkan	18	600	500
Pembiayaan daripada Institusi Kewangan	19	58,000	-
Pemiutang Sewa Beli	20	-	32
Geran	21	300	300
Dividen Dicadangkan	22	60,913	58,943
Jumlah Liabiliti		6,637,211	5,038,540
Modal Syer Anggota	23	735,189	680,451
Syer Keutamaan	24	250,244	252,002
Rizab Berkanun	25	96,406	83,994
Rizab-rizab Lain	26	(11,810)	(1,598)
Keuntungan Tertahan		27,156	12,014
Jumlah Dana Pemegang Syer		1,097,185	1,026,863
Jumlah Liabiliti dan Dana Pemegang Syer		7,734,396	6,065,403
Komitmen Modal	27	177,370	149,463

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN DAN PEMBAGIAN KEUNTUNGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

		KUMPULAN		CO-OPBANK	
	NOTA	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Pendapatan	28	407,314	358,537	407,314	358,537
Perbelanjaan	29	(136,785)	(107,999)	(136,752)	(107,981)
Pendapatan Bersih		270,529	250,538	270,562	250,556
Peruntukan untuk rosotnilai	30	(94,220)	(80,365)	(94,220)	(80,365)
Pendapatan Lain-lain	31	50,781	16,148	50,694	16,139
Perbelanjaan Operasi	32	(123,613)	(100,204)	(123,606)	(100,195)
Keuntungan Bersih		103,477	86,117	103,430	86,135
Pembahagian Berkanun					
Kumpulan Wang					
Rizab Statutori: 12%(2021: 8%)		(12,412)	(6,891)	(12,412)	(6,891)
Kumpulan Wang Amanah					
Pendidikan Koperasi: 2% (2021: 2%)		(2,069)	(1,723)	(2,069)	(1,723)
Kumpulan Wang Amanah					
Pembangunan Koperasi: 1% (2021: 1%)		(1,034)	(861)	(1,034)	(861)
Cukai	34	(251)	-	(247)	-
Zakat		(3,098)	(2,302)	(3,098)	(2,302)
Lain-lain Pembahagian					
Dividen Modal Syer Anggota pada 6.30% (2021: 6.10%)		(43,698)	(41,756)	(43,698)	(41,756)
Dividen Syer Keutamaan pada 6.88% (2021: 6.82%)		(17,215)	(17,187)	(17,215)	(17,187)
Honorarium Anggota Lembaga		(600)	(500)	(600)	(500)
Kumpulan Wang Kebajikan Anggota		(300)	(800)	(300)	(800)
Kumpulan Wang Kebajikan Bukan Anggota		(3,550)	(900)	(3,550)	(900)
Dana penebusan saham		(4,396)	(3,833)	(4,396)	(3,833)
		(88,623)	(76,753)	(88,619)	(76,753)
Pelarasan Bukan Operasi	35	410	242	410	242
Keuntungan Dalam Tahun		15,264	9,606	15,221	9,624

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
Keuntungan Dalam Tahun	15,264	9,606	15,221	9,624
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain				
<u>Item yang berkemungkinan akan dikelaskan semula dalam untung atau rugi:</u>				
Instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain				
- Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi tahun kewangan	(13,085)	(13,981)	(13,085)	(13,981)
- Perubahan dalam peruntukan bagi kerugian kredit dijangka	(28)	11	(28)	11
<u>Item yang tidak diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi</u>				
Perubahan bersih atas penilaian semula instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	9	(283)	9	(283)
Kerugian komprehensif lain	(13,104)	(14,253)	(13,104)	(14,253)
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif bagi Tahun	2,160	(4,647)	2,117	(4,629)

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA PEMEGANG SYER

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Modal Syer Anggota RM'000	Syer Keutamaan RM'000	Rizab Berkasun RM'000	Rizab-rizab lain RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
KUMPULAN						
Pada 1 Januari 2021	695,096	252,034	77,103	6,430	2,882	1,033,545
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat	-	-	-	-	86,117	86,117
Pembahagian Keuntungan	-	-	6,891	5,533	(17,568)	(5,144)
Dividen (Nota 22)	-	-	-	-	(58,943)	-
Penerimaan dalam tahun	3,565	2	-	10	-	3,577
Pembayaran dalam tahun	(18,210)	(34)	-	1,460	-	(16,784)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(973)	-	(973)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	(14,058)	(195)	(14,253)
Pada 31 Disember 2021	680,451	252,002	83,994	(1,598)	12,293	1,027,142
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat	-	-	-	-	103,477	103,477
Pembahagian Keuntungan	-	-	12,412	8,246	(27,300)	(6,642)
Dividen (Nota 22)	-	-	-	-	(60,913)	(60,913)
Penerimaan dalam tahun	72,507	51	-	265	-	72,823
Pembayaran dalam tahun	(17,769)	(1,809)	-	(4,826)	-	(24,404)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(784)	-	(784)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	(13,113)	(79)	(13,192)
Pada 31 Disember 2022	735,189	250,244	96,406	(11,810)	27,478	1,097,507

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA PEMEGANG SYER

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Modal Syer Anggota RM'000	Syer Keutamaan RM'000	Rizab Berkannun RM'000	Rizab-rizab lain RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
CO-OPBANK						
Pada 1 Januari 2021	695,096	252,034	77,103	6,430	2,585	1,033,248
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat	-	-	-	-	86,135	86,135
Pembahagian Keuntungan	-	-	6,891	5,533	(17,568)	(5,144)
Dividen (Nota 22)	-	-	-	-	(58,943)	(58,943)
Penerimaan dalam tahun	3,565	2	-	10	-	3,577
Pembayaran dalam tahun	(18,210)	(34)	-	1,460	-	(16,784)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(973)	-	(973)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	(14,058)	(195)	(14,253)
Pada 31 Disember 2021	680,451	252,002	83,994	(1,598)	12,014	1,026,863
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat	-	-	-	-	103,430	103,430
Pembahagian Keuntungan	-	-	12,412	8,246	(27,296)	(6,638)
Dividen (Nota 22)	-	-	-	-	(60,913)	(60,913)
Penerimaan dalam tahun	72,507	51	-	265	-	72,823
Pembayaran dalam tahun	(17,769)	(1,809)	-	(4,826)	-	(24,404)
Pengagihan dalam tahun	-	-	-	(784)	-	(784)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	(13,113)	(79)	(13,192)
Pada 31 Disember 2022	735,189	250,244	96,406	(11,810)	27,156	1,097,185

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	103,477	86,117	103,430	86,135
Pelarasan Untuk:				
Penjejasan dipulihkan	(48,930)	(12,880)	(48,930)	(12,880)
Penjejasan pembiayaan	76,663	55,479	76,663	55,479
Rosotnilai pelaburan aset kewangan	57	(12)	57	(12)
Rugi atas hapuskira pembiayaan	17,500	24,898	17,500	24,898
Susutnilai hak penggunaan aset	2,733	2,396	2,733	2,396
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6,481	7,303	6,481	7,303
Keuntungan atas jualan inventori	(271)	(98)	(271)	(98)
Kos kewangan	95	138	95	138
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	157,805	163,341	157,758	163,359
PERGERAKAN MODAL KERJA				
Kurangan/(Tambahan) dalam aset operasi				
Pembiayaan dan pendahuluan	(960,090)	(418,616)	(960,090)	(418,616)
Lain-lain aset	3,710	(19,544)	3,664	(19,741)
Inventori	1,146	347	1,146	347
Hak penggunaan aset	(146)	(1,486)	(146)	(1,486)
Tanah untuk pembangunan	(93)	101	(93)	101
(Kurangan)/Tambahan dalam liabiliti operasi				
Deposit dan simpanan pelanggan	1,341,551	319,259	1,341,551	319,259
Lain-lain liabiliti	10,848	(39)	10,951	(55)
Tunai hasil daripada operasi	554,731	43,363	554,741	43,168
Kos kewangan dibayar	(95)	(138)	(95)	(138)
Honorarium dibayar	(466)	(900)	(466)	(900)
Cukai dibayar	(405)	(1,413)	(405)	(1,413)
Bayaran balik cukai	-	1,396	-	1,396
Zakat dibayar	(2,302)	(2,143)	(2,302)	(2,143)
Tunai bersih dijanakan dari aktiviti operasi	551,463	40,165	551,473	39,970

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		CO-OPBANK	
	2022 RM'000	2021 RM'000	2022 RM'000	2021 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Lain-lain kumpulan wang	(36,449)	(973)	(36,449)	(973)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti bayaran berkanun dan agihan	(36,449)	(973)	(36,449)	(973)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian aset tetap	(58,824)	(7,406)	(58,824)	(7,406)
Tambahan aset kewangan	(306,919)	(340,305)	(306,919)	(340,305)
Pelupusan aset kewangan	179	401,104	179	401,104
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijanakan dari aktiviti Pelaburan	(365,564)	53,393	(365,564)	53,393
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerbitan/(Penebusan) syer	48,419	(13,207)	48,419	(13,207)
Pembayaran dividen	(58,565)	(58,014)	(58,565)	(58,014)
Bayaran balik liabiliti pajakan	(2,856)	(2,545)	(2,856)	(2,545)
Bayaran balik pembiayaan daripada Pemiutang sewa beli	(32)	(44)	(32)	(44)
Tambahan pembiayaan daripada Institusi kewangan	237,532	-	237,532	-
Tunai bersih dijanakan dari/(digunakan dalam) aktiviti Pembiayaan	224,498	(73,810)	224,498	(73,810)
ALIRAN TUNAI BERSIH TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI	373,948	18,775	373,958	18,580
Pada awal Tahun	974,208	955,433	973,837	955,257
Pada akhir Tahun	1,348,156	974,208	1,347,795	973,837
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan Dana Jangka Pendek	256,350	183,900	255,989	183,529
Deposit dan Penempatan di Institusi Kewangan	1,091,806	790,308	1,091,806	790,308
	1,348,156	974,208	1,347,795	973,837

(Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan ini)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

Kegiatan-kegiatan utama Co-opbank adalah menjalankan aktiviti perbankan Islam, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dan pelaburan.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 15.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama Kumpulan dan Co-opbank pada tahun kewangan semasa. Co-opbank telah ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.

Alamat prinsipal dan berdaftar Co-opbank adalah di Tingkat 6, Wisma JCBNext, No. 27, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan disahkan untuk diisukan oleh Anggota Lembaga Co-opbank pada 27 Februari 2023.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Co-opbank telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") dengan pengubahsuaian dibuat berdasarkan peraturan / garis panduan / pekeliling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Penyata kewangan bagi subsidiari telah disediakan menurut MFRSs dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

(i) MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi MFRSs yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diguna pakai oleh Kumpulan dan Co-opbank.

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- * MFRS 17, *Kontrak Insurans*
- * Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan* - Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Urus Niaga Tunggal

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

- * Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan - Liabiliti pajakan dalam jualan dan pajakan balik*
- * Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan, Liabiliti bukan semasa dengan kovenan*

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- * Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama* - Penjualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama.

Penggunaan awal piawaian perakaunan, pindaan atau interpretasi dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara bagi tempoh semasa dan penyata kewangan terdahulu Kumpulan dan Co-opbank.

b) Asas penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan asas kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 2.

c) Mata wang fungsian dan dipersembahkan

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu fungsi matawang Kumpulan dan Co-opbank dan telah dibundarkan ke nilai ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMB.)

d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Co-opbank selaras dengan MFRSs yang memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan nilai yang dilaporkan untuk aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar kemungkinan berbeza daripada anggaran yang dilakukan.

Anggaran dan andaian yang digunakan telah dikaji semula secara berterusan. Semakan terhadap anggaran-anggaran perakaunan diiktiraf dan tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Maklumat berkaitan bahagian-bahagian penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang signifikan dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun diiktiraf dalam penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 3.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Co-opbank dan kesemua subsidiari pada tarikh lembaran imbalan.

Di mana perlu, hasil daripada pengambilalihan atau penjualan subsidiari pada tahun semasa dimasukkan di dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh efektif pengambilalihan dan sehingga tarikh penjualan yang berkenaan.

Di mana perlu, pelarasan akan dibuat terhadap penyata kewangan subsidiari bagi menyeragamkan dasar perakaunannya dalam Kumpulan. Urus niaga di antara Co-opbank dan subsidiari berkaitan dihapuskan semasa penyatuan dan penyata-penyata kewangan yang disatukan tersebut menggambarkan urus niaga luaran sahaja.

b) Pelaburan dalam subsidiari

Subsidiari ialah di mana Co-opbank menguasai komposisi Lembaga Pengarah atau lebih daripada setengah kuasa mengundi, atau memegang lebih daripada separuh syer-syer biasa yang diterbitkan oleh subsidiari tersebut.

Pelaburan di dalam subsidiari dinyatakan pada kos, dan dikurangkan nilainya apabila para Anggota Lembaga Co-opbank berpendapat bahawa adanya pengurangan nilai terhadap pelaburan- pelaburan tersebut.

c) Kombinasi perniagaan

Pengambilalihan subsidiari diakaunkan kaedah belian ("acquisition method"). Kos pengambilalihan diukur atas nilai saksama pada tarikh pertukaran aset yang diberi, liabiliti yang dianggap atau diandaikan dan instrumen ekuiti yang dikeluarkan oleh Kumpulan bagi pertukaran kuasa oleh pemilik ditambah dengan sebarang kos langsung yang wujud daripada kombinasi perniagaan tersebut. Aset pemilik yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan tanggungan luar jangka yang memenuhi syarat untuk diiktiraf adalah diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, kecuali aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) yang diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual. Aset-aset bukan semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Tidak Sambung, di mana ia diiktiraf dan diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual.

Muhibah yang dikenalpasti daripada pengambilalihan diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, iaitu merupakan lebihan kos. Kombinasi perniagaan terhadap kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti, liabiliti dan tanggungan luar jangka yang diiktiraf.

Jika selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih pemilikan aset yang dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka melebihi kos kombinasi perniagaan, lebihan tersebut akan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**d) Pembangunan hartanah**

Pembangunan hartanah dinyatakan pada kos (terdiri daripada tanah, kos bangunan langsung dan perbelanjaan pembangunan) termasuk dengan keuntungan boleh agih ditolak peruntukan kerugian yang dijangka dan bil-bil dalam kemajuan.

Perbelanjaan pembangunan termasuk kos pembiayaan berkaitan dengan pembiayaan kos tanah dan pembangunan.

Kumpulan menganggap perbelanjaan pembangunan hartanah sebagai aset semasa jika kerja telah dijalankan dan dijangka akan siap mengikut kitaran pengendalian biasa selama satu hingga dua tahun. Sekiranya lebih dari tempoh berkenaan, ianya dianggap sebagai aset bukan semasa.

e) Inventori

Inventori utama merupakan rumah siap dan kosnya ditentukan mengikut jumlah sebenar perbelanjaan ditanggung untuk setiap unit.

Hartanah untuk dijual

Ini terdiri daripada kos unit hartanah siap yang belum dijual. Kosnya dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos hartanah ditentukan berdasarkan kaedah identifikasi khusus.

f) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai boleh realisasi yang dijangka. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semula semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapus kira pada tahun kewangan dikenal pasti.

Penghutang termasuk pembiayaan dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh realisasi. Semua hutang lapuk yang diketahui adalah dilupuskan dan peruntukan khas akan dibuat bagi penghutang dan juga pembiayaan yang kutipannya diragukan selepas tempoh 3 bulan.

Kumpulan dan Co-opbank mengkaji pembiayaan ragu, pendahuluan dan pembiayaan pada setiap tarikh pelaporan dibuat untuk menilai samada penjejasan harus dicatatkan dalam penyata kewangan. Ini terutamanya di mana keputusan perlu dibuat untuk mengenalpasti hutang ragu dan anggaran jumlah yang boleh diperolehi daripada hutang ragu apabila paras peruntukannya perlu ditentukan.

g) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang penjejasan aset kerugian terkumpul.

Tanah milik bebas dan kerja dalam proses tidak di caj susut nilai.

Hartanah yang sedang dalam pembinaan, untuk tujuan pengeluaran sewaan, pentadbiran, atau yang belum ditentukan kegunaannya adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan yang telah dikenal pasti. Kos meliputi yuran profesional. Bagi aset yang layak, kos pembiayaan dipermodalkan berdasarkan dasar perakaunan Kumpulan. Susut nilai aset ini menggunakan asas yang sama dengan aset hartanah lain dan bermula apabila aset tersebut siap dan sedia untuk digunakan.

Kos-kos yang terlibat bagi aset diambil kira dalam jumlah pembawa aset berkenaan atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, sekiranya faedah masa depan dan aset berkenaan diperolehi oleh Kumpulan dan kos dikenakan boleh dipercayai. Jumlah pembawa bagi alat atau bahagian aset adalah tidak diiktiraf.

Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan dicaj kepada untung rugi dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

g) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai pada kadar yang dikira mengikut kaedah garisan lurus untuk menghapus kira kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran tempoh hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Perkakas dan peralatan	20%
Kenderaan	20%
Peralatan komputer	20%
Ubahsuai pejabat	10%

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai residual dan jangka hayat kegunaan bagi hartanah, loji dan peralatan akan disemak semula. Sebarang kesan terhadap perubahan akan diiktiraf secara perspektif. Keuntungan atau kerugian atas jualan adalah ditentukan melalui perbandingan antara perolehan dengan amaun pembawa aset di mana perbezanya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian dari operasi.

Sekiranya peralatan atau bahagian item-item hartanah, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat kegunaan berbeza, kos atau penilaian terhadap item-item tersebut diperuntukkan berdasarkan asas yang munasabah di antara peralatan-peralatan dan setiap bahagian peralatan yang disusut nilai secara berasingan.

h) Aset kewangan

Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu pada tarikh Kumpulan dan Co-opbank menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Semua aset kewangan diukur pada mulanya pada nilai saksama mereka serta kos urusniaga yang berkaitan secara langsung, kecuali dalam kes aset kewangan yang dicatatkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Kumpulan dan Co-opbank mengklasifikasikan semua aset kewangannya berdasarkan model perniagaan untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset, diukur sama ada:

- Kos terlunas
- Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Aset kewangan adalah termasuk seperti berikut:

(i) Aset kewangan pada kos terlunas

Kumpulan dan Co-opbank mengukur aset kewangan pada kos yang dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan matlamat untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan
- Syarat kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran prinsipal dan keuntungan ("SPPP") ke atas amaun prinsipal yang tertunggak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

h) Aset kewangan (Samb.)

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(i) Aset kewangan pada kos terlunas (Samb.)

Butiran syarat-syarat ini digariskan di bawah:

1) Penilaian Model Perniagaan

Kumpulan dan Co-opbank menentukan model perniagaannya di peringkat yang paling mencerminkan bagaimana kumpulan aset kewangan diuruskan untuk mencapai objektif perniagaannya.

Model perniagaan Kumpulan dan Co-opbank tidak dinilai berdasarkan instrumen mengikut instrumen, tetapi tahap portfolio agregat yang lebih tinggi dan didasarkan pada faktor yang dapat dilihat seperti:

- Bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu dinilai dan dilaporkan kepada personel pengurusan utama
- Risiko-risiko yang mempengaruhi prestasi model perniagaan (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu) dan, khususnya, bagaimana risiko-risiko tersebut diuruskan
- Bagaimana pengurus perniagaan dikompensasi (contohnya, sama ada pampasan berdasarkan nilai saksama aset yang diuruskan atau aliran tunai kontraktual yang dikumpulkan)
- Kekerapan, nilai dan masa jualan yang dijangkakan juga merupakan aspek penting dari penilaian Kumpulan dan Co-opbank

Penilaian model perniagaan berdasarkan senario yang dijangkakan dengan wajar tanpa mengambil kira senario terburuk atau senario stres. Jika aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal Kumpulan dan Co-opbank, Kumpulan dan Co-opbank tidak mengubah klasifikasi baki aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu, tetapi memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan baru yang baru dibeli atau yang baru dibeli pada masa hadapan.

2) Ujian SPPP

Sebagai langkah kedua proses pengelasannya, Kumpulan dan Co-opbank menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada mereka memenuhi ujian SPPP.

"Prinsipal" untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada pengiktirafan permulaan dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya, jika terdapat pembayaran balik pokok atau pelunasan premium/diskaun).

Unsur keuntungan yang paling penting dalam susunan pembiayaan biasanya adalah pertimbangan untuk nilai masa wang dan risiko kredit. Untuk membuat penilaian SPPP, Kumpulan dan Co-opbank mengenakan penghakiman dan mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan seperti mata wang di mana aset kewangan didenominasi, dan tempoh di mana kadar keuntungan ditetapkan.

Sebaliknya, istilah kontrak yang memperkenalkan pendedahan lebih daripada de minimis kepada risiko atau turun naik dalam aliran tunai kontraktual yang tidak berkaitan dengan susunan pembiayaan asas tidak menimbulkan aliran tunai kontrak yang semata-mata pembayaran pokok dan keuntungan pada jumlah tertunggak. Dalam kes sedemikian, aset kewangan diperlukan untuk diukur di FVTPL.

Kumpulan dan Co-opbank mengukur pembiayaan dan pendahuluan pada kos yang dilunaskan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

h) Aset kewangan (Samb.)

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (Samb.)

(ii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Kumpulan dan Co-opbank menggunakan kategori baru di bawah MFRS 9 instrumen hutang yang diukur di FVOCI apabila kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Instrumen ini dipegang dalam model perniagaan, objektifnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan; dan
- Istilah kontrak aset kewangan memenuhi ujian SPPP.

Aset kewangan di FVOCI kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain ("OCI"). Pendapatan keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan cara yang sama seperti aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Pada pengiktirafan, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasi semula daripada OCI kepada keuntungan atau kerugian.

Instrumen ekuiti biasanya diukur pada FVTPL. Walau bagaimanapun, untuk instrumen ekuiti tidak disebut harga, dengan pilihan tidak boleh ditarik balik pada permulaan, Kumpulan dan Co-opbank mengukur perubahan melalui FVOCI (tanpa mengitar semula keuntungan atau kerugian semasa penyahiktirafan).

Rosotnilai aset kewangan

Keperluan rosotnilai MFRS 9 adalah berdasarkan model Kerugian Kredit Dijangka ("ECL"). Model ECL dikenakan kepada aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan atau pada FVOCI, komitmen pembiayaan tidak dapat dibatalkan dan kontrak jaminan kewangan; yang termasuk pembiayaan dan pendahuluan, serta instrumen kewangan yang dipegang oleh Kumpulan dan Co-opbank. Model ECL juga terpakai kepada aset kontrak di bawah MFRS 15, Pendapatan daripada Kontrak dengan Pelanggan dan pajakan belum terima di bawah MFRS 16, Pajakan.

Pengukuran kerugian kredit yang dijangka melibatkan peningkatan kerumitan dan penghakiman yang termasuk:

(i) Menentukan peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal.

Penilaian-penilaian kemerosotan yang ketara sejak pengiktirafan awal adalah kunci untuk menentukan titik perpindahan antara mengukur peruntukan berdasarkan ECL 12 bulan, atau peruntukan berdasarkan jangka hayat ECL. Sejumlah penilaian kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam menentukan sama ada terdapat kenaikan risiko kredit yang ketara pada tarikh pelaporan apabila dibandingkan dengan tarikh pengiktirafan awal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

h) Aset kewangan (Samb.)

- (i) Menentukan peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal (Samb.)

Kumpulan dan Co-opbank menggunakan pendekatan tiga peringkat berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal:

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
Pendekatan 3 peringkat	Berprestasi	Kurang berprestasi	Tidak berprestasi
Penerangan	Tiada peningkatan ketara dalam risiko kredit	Risiko kredit meningkat dengan ketara	Kredit terjejas aset
Pendekatan ECL	ECL 12-bulan	ECL Sepanjang hayat	ECL Sepanjang hayat
Pengiktirafan pendapatan keuntungan	Pada amaun dibawa kasar	Pada amaun dibawa kasar	Pada amaun dibawa bersih

- (ii) Pengukuran ECL

Terdapat tiga komponen utama untuk mengukur ECL iaitu model kebarangkalian mungkir ("PD"), model kerugian mungkir ("LGD"), dan model pendedahan pada kemungkiran ("EAD").

MFRS 9 tidak membezakan antara penilaian individu dan penilaian kolektif. Oleh itu, Kumpulan dan Co-opbank terus mengukur rosotnilai berdasarkan asas penilaian individu untuk aset kewangan yang dianggap signifikan secara individu. Semua aset kewangan lain yang lain akan dinilai secara kolektif mengikut polisi Kumpulan dan Co-opbank

- (iii) Pelaburan kewangan di FVOCI

Pelaburan kewangan ECL yang diukur pada FVOCI tidak mengurangkan jumlah amaun dibawa aset kewangan ini, yang kekal pada nilai saksama. Sebaliknya, jumlah yang sama dengan peruntukan yang akan timbul jika aset diukur pada kos dilunaskan diiktiraf dalam OCI sebagai amaun rosotnilai terkumpul, dengan caj yang sama kepada untung atau rugi. Kerugian terkumpul yang diiktiraf dalam OCI dikitar semula kepada untung dan rugi apabila penyahiktirafan aset tersebut.

- (iv) Hayat yang dijangkakan

